Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang² yang membolehkan bersara kepada pegawai² Kerajaan di-bawah kuasa Kerajaan Sabah menunjokkan kepada kita bahawa kita dan ra'ayat dalam Malaysia ini mempunyai suatu kesadaran memberikan hak yang begitu luas kepada sa-tiap warganegara kita yang berhak untuk sama² mencham-pori diri di-dalam arena politik di-tanah ayer kita ini, bagi Sabah samalah juga hal-nya dengan negeri kita pada tahun 1955 dahulu di-mana kesadaran² politik itu berperingkat² ada

kadang² terlalu tinggi kesadaran itu bagi orang² mendapat atau memper-oleh pengetahuan² yang tinggi dan kadang² terdapat kesadaran politik itu bagi ra'ayat biasa. Tetapi kesadaran politik sahaja di-dalam demokrasi negeri ini tidak-lah cukup untuk membolehkan dia mentadbirkan sa-buah negara atau negeri sa-telah dia menchapai kejayaan di-dalam pilehan raya. Kesadaran dan keinginan semangat sa-mata² untuk mentadbirkan sa-buah negeri tidak-lah cukup oleh kerana kesadaran dengan ta' berpengetahuan akan mengakibatkan keruntuhan negeri itu sa-belum sampai waku dan tempoh-nya.

Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai contoh dalam negeri kita ini maseh kita dapat sa-buah negeri di-mana hanya kesadaran politik itu bernyala², kesadaran politik itu meluap² tetapi tidak di-sertai dengan pengetahuan dan pengalaman alat² untuk mengendalikan teraju Kerajaan seperti negeri Trengganu dalam tahun 1959 dahulu sampai tahun 1962.

Oleh kerana semangat sahaja bernyala² dengan tidak mempunyai pengalaman yang cukup, maka akibat-nya dia meninggalkan dunia sa-belum sampai ajal-nya. Jadi, kita tidak mahu melihat sa-buah Kerajaan ta' berani . . .

Tuan Mohamed Daud bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dengan wakil daripada Hilir Perak ini, sebab dia menyentoh saya. Saya minta wakil Hilir Perak menerangkan apa-kah sebab-nya Dato' Haji Hassan Yunus, Menteri Besar, Johor, meletakkan jawatan sa-belum cukup tempoh-nya dan Enche' Abdul Rahman Talib, bekas Menteri Pelajaran dahulu terpaksa berhenti, bukan saya sahaja—ada beberapa orang kawan yang telah berhenti sa-belum cukup tempoh-nya. Tolong terangkan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh-lah di-atas permintaan sahabat saya dari Besut. Kejatohan Kerajaan PAS Negeri Trengganu tidak sama dengan perletakan jawatan Dato' Menteri Besar,

Negeri Johor dan tidak sama dengan perletakan jawatan Menteri Pelajaran, kerana perletakan jawatan Menteri Besar, Johor tidak menyerahkan Kerajaan itu kepada satu parti yang lain, tetapi negeri Trengganu bukan sahaja Menteri Besar-nya terpaksa meninggalkan jawatan-nya, tetapi juga Kerajaan itu bertukar daripada Kerajaan PAS kepada Kerajaan Perikatan. Ini perbezaan yang besar yang ta' dapat disamakan di-antara dia dengan Menteri Besar dan sekarang Menteri Besar, Johor, dan sekarang pun kita boleh menukarkan kalau di-kehendaki oleh parti, siapa juga Menteri Besar dalam negeri Malaysia ini, kalau di-kehendaki dan kalau sampai waktu-nya dan kehendak² parti di-patohi. Apa yang menjadi soalan saya tadi sa-belum Yang Berhormat dari Besut menanyakan soal ini ia-lah satu pengalaman yang telah kita lalu di-dalam sejarah democracy berparlimen dalam negeri kita ini dengan menyekat sa-saorang yang berpengalaman, yang mempunyai pelajaran, yang mempunyai kesedaran, baik di-dalam pentadbiran dan politik, tidak kita benarkan dia menchampori politik dengan meninggalkan jawatan-nya dan bersara, maka munchol-lah tokoh² bilis hendak menjadi ikan² besar di-dalam politik yang akibat-nya akan menghancurkan negeri-nya sendiri sa-hingga negeri Trengganu, kalau saya ta' salah, ta' pandai membelanjakan wang waktu itu dalam soal pelajaran negeri Trengganu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, saya ta' hendak beri, chukup-lah itu

Tuan Mohamed Daud bin Abdul Samad: Ta' berani-lah.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, supaya keterangan yang saya berikan ini tidak keluar daripada maksud saya yang sa-benar-nya, maka memberikan penchen sementara kepada pegawai² Kerajaan yang di-pandang oleh mereka sendiri, bukan di-paksa oleh Kerajaan dan tidak di-paksa oleh Rang Undang² ini sendiri supaya mereka mesti meletakkan jawatan sementara, tetapi sa-bagai suatu anugerah daripada sa-buah negara democracy yang mereka patut

memikirkan apa-kah tenaga mereka itu perlu sa-bagai pegawai Kerajaan, atau perlu sa-bagai sa-orang pegawai pentadbir sa-telah menang di-dalam pilihan raya maka kesempatan² yang saperti itu di-berikan oleh Rang Undang² ini supaya mereka dapat menimbangkan di-mana sa-patut-nya mereka berdiri di-dalam berkhidmat kepada negara dan bangsa-nya terutama sa-kali negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu-lah pula saya menguchapkan satinggi² terima kaseh kepada Kerajaan Pusat, terutama-nya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, yang berani mengemukakan Rang Undang² ini yang memberikan kesempatan yang begitu luas kepada pegawai² kita yang berpengalaman supaya mereka dapat bertanding di-dalam pilihan raya, bukan sahaja mereka dapat bertanding di-dalam pilihan raya, tetapi kalau mereka menang, mereka akan dapat melanjutkan khidmat yang telah ada pengalaman-nya sa-lama mereka berkhidmat sa-bagai pegawai Kerajaan mentadbirkan negeri ini.

Kita boleh melihat kekuatan, ketegohan Kerajaan Perikatan, bukan sahaja bagi negeri², tetapi ia-lah ketegohan Kerajaan Perikatan bagi seluruh Malaysia ini. Kalau kita melihat bekas pemimpin² Menteri², atau pun menjalankan pentadbiran daripada Kementerian² kita ini dapat kita lihat mereka² semua ia-lah berasal daripada bekas² pegawai Kerajaan yang telah bersara. Kita kenal Yang Teramat Mulia Tunku sa-bagai sa-orang pegawai Kerajaan yang kanan, kita kenal Yang Amat Berhormat Tun Abdul Razak sa-bagai pegawai Kerajaan yang kanan di-dalam negeri Pahang, begitu juga lain²—Enche' Bahaman Shamsudin mithal-nya sa-orang pegawai Kerajaan yang berpengalaman bertahun² dan yang lain² dan begitu juga Tun Dr Ismail, sa-orang pegawai yang berpengalaman, tetapi oleh kerana undang² membenarkan bagi mereka itu meletakkan jawatan dan bertanding di-dalam pilihan raya dan mereka menang, alhamdulillah dengan kemenangan pegawai² yang telah di-beri bersara ini telah dapat mentadbirkan negeri kita

ini sa-hingga sekarang 12 tahun lamanya dalam keadaan yang bertambah meriah, bertambah kuat, bertambah aman dan bertambah bahagia yang kita harapkan akan berlanjutan kira-nya untuk beberapa tahun yang akan datang. Ini sa-bagai satu contoh bagaimana Rang Undang² yang saperti ini mendatangkan menafa'at kepada ra'ayat di-dalam negeri ini terutama-nya, dan kepada ra'ayat Sabah khusus-nya.

Di-dalam Sabah sendiri, kalau sa-kira-nya Rang Undang² ini di-salah ertikan saperti mana sahabat saya dari Besut menyalah-ertikan ini dengan mengatakan ada-kah Rang Undang² ini sa-bagai sa-suatu ikhtiar untuk mengurangkan pegawai Kerajaan, kerana kekurangan wang—soal ini di-timbulkannya bukan dia tidak faham Rang Undang² ini pada hakikat-nya, tetapi menjadi satu matalamat atau dasar daripada Parti Pembangkang untuk mengelirukan sa-barang Rang Undang² yang terang supaya ra'ayat yang di-pengarohi akan dapat di-pengarohi dengan fikiran-nya yang salah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita memandang soal ini dengan dalam, maka ra'ayat Sabah, atau pun yang kita anggap sekarang ini sa-bagai ra'ayat Malaysia yang dudok di-Sabah yang pertama kali-nya menghadapi pilehan raya sa-chara bagini, sa-chara besar²an dengan sendiri-nya keputusan pilehan raya Sabah akan dapat memberi jawapan yang sekarang ini menjadi tanda tanya, baik bagi negeri sahabat² di-sakeliling kita, mahu pun bagi negeri yang ada di-dalam negeri kita, mahu pun kepada parti² politik yang ada kepada negeri kita, ia-itu ra'ayat Sabah memilih yang mana-kah mereka ingin di-dalam pilehan raya ini. Keputusan pilehan raya ini yang saya harapkan dan kita menganggap kemenangan yang gilang-gemilang bagi pehak Perikatan dengan sendiri-nya akan memberikan satu jawapan yang tegas bahawa ra'ayat Sabah memilih Perikatan bukan kerana Perikatan, tetapi kerana kecekapan-nya di-dalam pentadbiran negara dan menyelamatkan Sabah daripada angkara nuraka yang di-datangkan oleh anasir² yang

mahu melihat Sabah hidup dengan keadaan yang tidak aman dan bahagia.

Kita tahu, Tuan Yang di-Pertua, dalam menghadapi pilehan raya ini berbagai² helah akan di-jalankan, berbagai² daya akan di-usahakan oleh pehak² yang tidak mengingini ada-nya sa-suatu pilehan raya yang aman dan tenteram. Kita menguchapkan sa-tinggi² terima kaseh kepada pasokan² tentera kita yang di-belakangan ini telah memberikan jaminan bahawa mereka telah bersiap sedia, mereka telah melengkapkan segala kegiatan dan pandangan mata dan telinga mereka supaya perjalanan pilehan raya di-Sabah berjalan dengan aman dan tenteram, dengan jaminan kekuatan yang ada pada pasokan keselamatan kita. Kepada mereka juga kita menguchapkan berbanyak² terima kaseh dan kita harapkan supaya pilehan raya di-Sabah ini akan berjalan dengan aman, dan bila Rang Undang² ini kita luluskan akan memberikan-lah peluang² kepada pegawai² kita yang berpengalaman untuk menjampori hal-ehwal politik dan mentadbir negara ini dengan lebeh sempurna, terutama-nya bagi negeri Sabah. Sekian, terima kaseh.

Tuan Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan berbanyak² terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat, termasuk-lah Ahli Yang Berhormat daripada pehak Pembangkang yang sama² menyokong Rang Undang² yang di-hadapan Dewan ini.

Ini-lah, saperti Ahli² Yang Berhormat mengetahui, pilehan raya yang pertama bagi negeri Sabah, dan pehak Kerajaan dan saya perchaya Ahli² Yang Berhormat sakalian dan ra'ayat di-Malaysia Barat seluroh-nya berharap, bahawa ra'ayat Sabah akan menunjukkan bahawa mereka itu sa-benar²-nya faham mengamalkan dasar demokrasi dengan sa-benar²-nya. Begitu juga kita berharap pilehan raya itu akan berjalan dengan sempurna dan pehak pegawai² yang akan menjaga dan mentadbirkan perjalanan pilehan raya itu akan menjalankan tugas² mereka itu dengan sempurna supaya pilehan raya ini dapat berjalan

dengan lichen dan terator saperti yang kita kehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, saperti saya telah terangkan tadi, Rang Undang² ini ia-lah Undang² sementara, dan Kerajaan tidak-lah berhajat hendak memajukan Rang Undang² ini sa-lepas daripada pilihan raya yang pertama. Di-Malaysia Barat pun dahulu kita adakan Rang Undang² saperti ini pada pilihan raya yang pertama sahaja untuk hendak memberi peluang kepada pegawai² Kerajaan yang hendak bertanding dapat bertanding, dan sa-lepas daripada pilihan raya yang pertama tidak di-fikirkan lagi mustahak di-adakan Rang Undang² yang sa-macham ini.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Bachok, saya fikir sama ada dia ta' bacha Rang Undang² ini atau pun bila dia bacha dia barangkali ta' faham, ia-itu Rang Undang² ini tidak-lah meliputi pegawai² Federal, hanya-lah pegawai² daripada Kerajaan Negeri Sabah yang telah ditukar berkhidmat ka-dalam Pejabat² Kerajaan Pusat, ia-itu pegawai ini asal-nya pegawai Sabah. Hanya-lah kepada pegawai² ini-lah yang di-masokkan dalam Rang Undang² ini.

Bagitu juga-lah Rang Undang² ini tidak-lah mengenai pegawai² tentera—pegawai² tentera tidak masuk dalam Pension Enactment Sabah, jadi tidak-lah terta'alok di-bawah Rang Undang² ini. Dan lagi, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah di-fikirkan munasabah bagi Kerajaan hendak membenarkan pegawai² tentera itu bersara untuk hendak bertanding dalam pilihan raya. Di-Malaysia Barat pun dahulu, tidak-lah ada Undang² yang saperti itu kerana pegawai² tentera ada mempunyai perjanjian dengan Kerajaan untuk berkhidmat dalam masa yang tertentu, dan dalam masa perkhidmatan itu pegawai² itu tidak boleh-lah berhenti daripada menjalankan perkhidmatan.

Berkenaan dengan pegawai² Local Council, ini pun tidak masuk dalam Undang² Pension Enactment—terpulang-lah kepada Local Authority bagi menentukan bagaimana chara yang pegawai² yang berkhidmat dengan-nya

hendak bersara untuk hendak bertanding dalam pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari Besut, saya pun ta' faham apa maksud-nya yang dikehendaki, ia-itu pembahagian chalun; ini bukan-lah masaaalah yang kita boleh masokkan dalam Undang², ini masaaalah parti² siasah di-sana menentukan siapa² yang hendak menjadi chalun, pilihan raya ini terbuka kepada semua ra'ayat Sabah menentukan chalun²-nya dan beberapa orang ahli² bumiputra dan orang² yang lain juga hendak bertanding, terpulang-lah kepada ra'ayat Sabah yang menentukan, dan bukan-lah perkara yang kita boleh tentukan dalam undang².

Berkenaan dengan pilihan raya di-Sarawak, pehak Kerajaan telah terangkan, bahawa kita akan adakan pilihan raya di-Sarawak dengan sa-chepat mungkin apabila jentera² pilihan raya telah dapat di-sediakan. Perkara ini ia-lah bergantung, terutama sa-kali, kepada Pesuruhjaya Pilihan Raya, dan juga kepada Kerajaan Negeri.

Pilihan raya di-Sabah dapat di-adakan pada bulan hadapan di-sebabkan persediaan telah di-perbuat beberapa bulan dahulu, dan dapat-lah di-sediakan jentera pilihan raya dan dapat-lah pilihan raya di-adakan pada bulan hadapan.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Tanjong raised a number of queries. I must say that he does allow his imagination to roam a little bid wild. I agree that there is a possibility that the provisions of this law can be abused to some extent. He quoted an instance that a Government servant may overtly say that he would like to contest the election and retire, but in actual fact he wants to leave the Government service. You may get a few cases such as this, and that is why we have made this provision that a candidate before he can be allowed to send in his nomination he must obtain the permission of the Public Services Commission. We must trust the good sense of the Public Services Commission to see that the provisions of this

law are not abused. The question of when the Government servant should decide to change his career, this is really a matter for each individual Government servant to decide. I can say quite clearly here that it is not very easy for a Government servant to decide to leave the Government service with all the benefits and the certainty of career and to accept the changes and chances of a political life; and it is only, I think, when a person realises that he can serve the country that he would be prepared to leave the Government service. So, I do not think we need worry very much on this respect, because there would not be very many members in Government service who would be prepared to sacrifice their full pension rights and also the prospect of a good career to go into politics, as I said, to face the changes and chances of a political life.

The question of Chief Minister giving special recommendation to Government servant who favours him, this I do not think does arise at all, because once a Government servant decides to leave the Government service, the Government does not give him any recommendation. In fact, it is not for the Chief Minister to give recommendation; it is the head of a public service or the Public Services Commission. As the Honourable Member for Kota Bharu Hilir stated that although he himself was a Menteri Besar of the State of Kelantan, he lost the first election. So, it does not mean that if a man is favoured by the Chief Minister he will necessarily win the election. I do not think this is matter that does arise at all.

As regards the query by the Honourable Member for Kota Bharu Hilir that this Bill is intended to come into force on 1st February and now it is already 1st of March, and only eight or seven days before nomination, the State Government has been notified of the intention to pass this Bill. In fact, it was intended that this Bill should have been passed earlier but because of the sitting of Parliament now, it has not been possible to bring this Bill earlier, but the State Government had been informed and I think the various

Government officers, or the few Government officers, who intended to stand for election, had been informed and I think it will be seen that the necessary papers would be prepared and be ready before the nomination day.

I think that is all the comments by the Honourable Members, Sir. I do hope that this Bill will help the Government servants, who truly wish to contest the elections and, as has been explained by many Honourable Members, that it will be in the interests of the country to have a few senior Government servants to serve in the Legislative Assembly and, perhaps, in the Government of the State after they have won the Elections.

Sir, thank you very much.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker in the Chair)

Clause 1—

Tun Haji Abdul Razak: Tuan Pengerusi, saya menhadangkan Clause 1 ini di-pinda seperti yang berikut:

Substitute the following—

“Short title, application, commencement and cessation.

1. (1) This Act may be cited as the Pensions (Temporary Provisions) (Sabah) Act, 1967, and shall apply to the State of Sabah only.

(2) This Act shall be deemed to have come into force on the 1st day of February, 1967, and shall continue in force until such date as the Yang di-Perutan Agong shall, by notification published in the Sabah Government *Gazette*, order that it shall cease to be in force in that State.”

Amendment put, and agreed to.

Clause 1, as amended, ordered to stand part of the Bill.

Clauses 2 and 3 ordered to stand part of the Bill.

Bill reported with amendment; read the third time and passed.

Sitting suspended at 11.35 a.m.

Sitting resumed at 11.55 a.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

THE FARMERS' ASSOCIATION BILL

Second Reading

Order read for resumption of debate on motion, "That the Bill be now read a second time". (27th January, 1967).

Debate resumed.

Tuan Haji Ahmad bin Saaid (Seberang Utara): Tuan Yang di-Pertua, menyambong ucapan saya pada waktu membahath Rang Undang² ini, saya menegaskan ia-itu saya memberi sokongan yang penoh di-atas Rang Undang² ini. Chuma saya ingin menarek perhatian Yang Berhormat Menteri di-atas Fasal 2, ia-itu tiap² satu Persatuan Peladang kawasan Negeri dan Persekutuan hendak-lah di-kelolai oleh Lembaga Pengarah yang di-pileh pada meshuarat agong tiap² persatuan itu sa-kali sa-tahun—sa-kali tiap² satu tahun calendar—dan bagi maksud itu dan terta'alok kapada Undang² ini. Jadi, apa yang saya berasa bimbang jikalau Lembaga Pengarah ini di-lantek sa-tahun sa-kali sahaja, harus mereka tidak dapat menjalankan ranchangan² dengan sempurna dan harus persatuan itu tidak dapat berjalan dengan lichin bagaimana yang di-kehendaki.

Jadi, saya baca satu daripada buku yang di-karang oleh Min Hio Koh, ia-itu F.A.O. Consultant, yang beliau juga menjadi sa-orang ahli pakar mengenai Persatuan Peladang di-Taiwan. Di-sini ada menyebutkan:

"3. *System of Election*—The election of the Farmers' Association is held once in every four years. In the meetings the small agricultural units, or the meetings of the upper levels of the Farmers' Association, as the case may be, in those meetings of the representatives the control of the Farmers' Association is vested. This can be further discussed as follows"

Jadi, di-sini menunjukkan peladang² di-Taiwan maju-nya berpandu kapada

Rang Undang² yang di-laksanakan di-Taiwan pada masa sekarang ini. Mengenai perlantekan Pengarah chuma sa-tahun sa-kali, saya harap-lah Yang Berhormat Menteri akan mengkaji perkara ini supaya dapat meminda jika perlu manakala sampai masa-nya.

Yang kedua, ia-lah mengenai Sekshen 11 (1) yang di-sebutkan, sa-orang peladang dalam sa-suatu kawasan ada-lah berhak menjadi sa-orang ahli Persatuan Peladang kawasan itu. Jadi, dengan ini menunjukkan bahawa orang yang berusaha di-atas tanah sahaja boleh menjadi ahli Persatuan Peladang. Berpandu kapada buku ini juga mengenai ta'arif ahli, saya ingin membacha:

"2. *Membership*—There are two kinds of membership in a Township Farmers' Association, that is, regular members and associate members. They are also known as farmer members and non-farmer members. Any person who is twenty or above, and whose major income is more than 50% of the total income derived from farming is eligible for a regular membership of the Association. He may be an owner farmer, a tenant farmer, a farm hand, a graduate of an agricultural school, or an employee of a lawful registered farm. Regular members have the right to elect, and to be elected, to any office of the Farmers' Association. Any person who does not possess the above qualifications, but resides within the area of the Farmers' Association itself, may become an associate member, and an associate member has no right to elect, but he may be elected to be a supervisor of the Association. However, the number of supervisors thus elected from the associate members is limited to $\frac{1}{3}$ of the total number of supervisors of a Farmers' Association."

Jadi di-sini chuma menunjukkan sa-orang yang berusaha di-atas ladangnya sahaja. Tuan tanah tidak boleh menjadi ahli Persatuan Peladang; orang yang bekerja sa-bagai pekerja bagi tuan tanah pun tidak boleh menjadi sa-bagai ahli Persatuan Peladang; penuntut² daripada College of Agriculture, atau Maktab Pertanian, pun tidak boleh menjadi sa-bagai ahli Persatuan Peladang; juga orang yang dudok didalam kawasan ini, dalam kawasan ladang, tidak boleh menjadi ahli Persatuan Peladang.

Jadi, saya berharap-lah kapada Yang Berhormat Menteri waktu hendak menentukan ta'arif sa-orang peladang ini

tolong-lah kajian supaya dapat meluaskan lagi dan boleh termasuk orang² yang ada perkaitan dengan petanian supaya dengan chara yang sa-macham ini dapat membayarkan ahli, juga orang² yang ada kebolehan atau pun orang² yang terpelajar dalam kawasan ladang itu dapat menjadi Ahli supaya mereka dapat memimpin Persatuan² ka-araf kemajuan. Kerana kita lebeh ma'alum bahawa Persatuan Peladang yang baharu sahaja hendak di-laksanakan, mesti-lah dapat pimpinan yang baik sa-kira-nya kita hendak mendapat kemajuan. Kalau kita tidak dapat orang² yang berkebolehan, orang² yang ada pelajaran atau pengalaman, harus ranchangan ini akan gagal atau pun lambat hendak menchapai chita² yang di-maksudkan.

Satu perkara lagi yang saya ingin menarek perhatian Ahli² Yang Berhormat ia-lah mengenai peranan sharikat kerjasama berbanding dengan peranan Persatuan Peladang yang akan di-laksanakan.

Baharu² ini, saya sendiri telah mendengar Yang Berhormat menyatakan perkara sharikat kerjasama², ia-itu Undang² yang ada sekarang ini, akan di-pinda untuk di-jadikan Multi-Purpose Co-operative Society (Sharikat Serbaguna). Jadi kalau-lah sharikat kerjasama sendiri boleh menjalankan urusan dengan chara serbaguna, maka tidak lain dan tidak bukan sama-lah dengan tujuan Rang Undang² ini. Jadi, saya berasa bimbang dan khuatir kalau sharikat kerjasama di-kampung boleh menjalankan dengan satu tujuan sama dengan Persatuan Peladang harus kedua² ini akan gagal, atau pun kedua² ini tidak berjalan.

Oleh itu saya berharap pada Yang Berhormat mengkaji dengan halus-nya yang mana satu yang hendak di-beri galakan dan pimpinan supaya maju, ada-kah beliau ini bersetuju hendak memajukan Persatuan Peladang yang berdasarkan kepada sharikat kerjasama serbaguna atau pun hendak menggalakkan sharikat kerjasama² sekarang ini di-kampung² meminda undang² itu dengan mengadakan satu perkara serbaguna. Jadi, jika ada yang sa-macham

ini harus tidak dapat kemajuan yang hendak di-chapai.

Saya bersetuju kalau hendak di-beri galakan daripada sharikat kerjasama ia-lah sa-bagaimana di-negeri Taiwan juga, sharikat kerjasama di-beri galakan yang sa-penoh dengan satu tujuan sahaja dan tidak di-buka kepada berbagai tujuan, kerana akan berlawanan dengan dasar Persatuan Peladang. Saya berharap Yang Berhormat memikirkan perkara ini dengan sa-halus-nya supaya dapat kita laksanakan tujuan yang baik ini mudah²an akan dapat kemajuan sa-bagaimana yang kita kehendaki.

Mengenai dasar Persatuan Peladang. Di-dalam Rang Undang² ini juga yang akan di-laksanakan ada lima perkara garisan yang besar. Yang pertama, ia-lah untuk menambah pengetahuan dan pelajaran kepada ahli²-nya. Yang kedua, ia-lah untuk menambahkan pengalaman kepada mereka itu. Yang ketiga, ia-lah bertujuan hendak mengadakan tabong kebajikan atau tolong-menolong di-antara satu dengan lain atau mengadakan dasar gotong-royong. Yang keempat, ia-lah meninggikan taraf hidup mereka itu dan yang kelima ia-lah hendak membangunkan ekonomi di-luar bandar.

Berbanding dengan dasar sharikat kerjasama chuma satu tujuan yang besar ia-itu untuk kepentingan ekonomi ahli²-nya. Dengan dasar yang begitu, Persatuan Peladang di-untoakkan ia-itu 25% daripada keuntungan di-simpan untuk apa² perkara project yang perlu, 10% untuk kebajikan, 10% sahaja sa-bagai elaun kepada pekerja² atau orang² yang menolong menguruskan dan 40% di-untoakkan daripada wang keuntungan itu untuk pembangunan atau untuk mengembangkan pengalaman dan pengetahuan atau "extension services" kepada ahli², 15% untuk sagu hati atau bonos kepada orang² yang berkhidmat.

Jadi 40% ini ia-lah satu peruntokan yang besar untuk extension services atau perkhidmatan pengembang. Inilah yang kita berkehendakkan sangat² supaya peladang² kita dapat faedah yang sa-besar²-nya di-atas Persatuan Peladang ini. Jadi kalau kita tinjau

perjalanan sharikat kerjasama sekarang ini tidak ada perkara² yang mendaratkan faedah terus kepada mereka itu melainkan pinjam-meminjam, simpanan dan pembahagian untong daripada apa yang di-jalankan. Jadi saya sangat-lah tertarek hati di-atas Rang Undang² ini, saya memberi sokongan yang penoh dan saya berharap perkara ini dapat dilaksanakan kerana ini ada-lah satu harapan baharu atau pun dalam bahasa Inggeris "new deal" bagi peladang² kita untuk membuat, memperbaiki masalah² yang mereka maseh hadapi sekarang ini. Kita sedia ma'alum masalah² yang di-hadapi oleh peladang² kita—

- (i) mengenai tanah yang mereka terpaksa sewa;
- (ii) sewa tanah daripada tuan² tanah yang mereka itu menaikkan sewa dengan sewenang²-nya dan kita mengharapkan Undang² Sewa Tanah itu akan di-bentangkan didalam Dewan ini untuk menentukan berapa banyak patut sewa tanah bendang itu di-kenakan. Undang² 9/1955 dahulu telah pun ada tetapi tidak boleh berjalan dengan perektki kerana Undang² itu, bab sewa itu, ada-lah dengan persetujuan tuan tanah dengan tuan penyewa—jadi tidak ada Undang² boleh mengambil tindakan kepada sa-siapa yang salah itu;
- (iii) ia-lah soal pasaran. Pasaran Alhamdulillah kita dengar FAMA sekarang mengambil bahagian dan boleh-lah Persatuan Peladang bekerjasama dengan FAMA untuk menjayakan pasaran;
- (iv) ada-lah barang² keperluan harian. Dengan ada-nya Persatuan Peladang dapat Persatuan Peladang sendiri menguruskan barang² keperluan, juga jentera² dan lain².

Jadi dengan ini saya berharap-lah dengan sa-besar harapan supaya Persatuan Peladang ini dapat berjalan dengan baik bagaimana yang berjalan di-Taiwan dan Denmark dan negeri Jepun.

Saya mengucapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat yang telah mengishtiharkan pilot project atau pun ranchangan perintis yang akan di-

jalankan di-satu kawasan di-tiap² buah negeri. Jadi di-Pulau Pinang di-pileh kawasan Seberang Prai Utara berpusat di-Kepala Batas. Saya mengucapkan terima kaseh kepada Yang Berhormat yang memileh kawasan itu, sebab saya tahu di-sana pada masa sekarang ini tanah yang luas sa-kali menanam padi dua kali sa-tahun ia-lah Seberang Prai Utara—22,000 ekar—dan baharu sahaja di-bena sa-buah Sekolah Pertanian dan akan berjalan pada tahun hadapan dan orang² di-sana pun boleh di-katakan sangat gembira dengan gerakan Persatuan Peladang ini sa-hingga pada masa ini telah pun banyak persatuan² yang di-tubuhkan dan saya, sa-bagai Yang di-Pertua Persekutuan. Persatuan Peladang negeri Pulau Pinang yang mempunyai 96 persatuan², mengucapkan ribuan terima kaseh kepada Yang Berhormat dan akan memberi sokongan atas apa juga tindakan dan nasehat untuk memajukan Persatuan² Peladang.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Yang di-Pertua, dalam perbincangan Undang² Persatuan Peladang ini ada-lah beberapa perkara yang saya rasa patut diberi perhatian. Dalam masa perbincangan ini sedang berjalan satu pindaan baharu telah di-masokkan tentang ta'arif peladang itu sendiri.

Saya sendiri tidak faham kenapa-kah pindaan baharu ini di-rasai perlu di-buat dengan menjadikan ta'arif peladang itu ia-lah sa-orang yang bekerja mengeluarkan hasil² pertanian atau ternakan dan pendapatan-nya ada-lah kesemuanya atau sa-bahagian terbesar-nya, ini yang di-potong, jadi pendapatan-nya di-dapati daripada mengeluarkan hasil² itu. Saya hairan atas pindaan ini kerana ini membuka pintu Persatuan Peladang ini terlalu luas kepada semua orang yang ada sedikit pun hasil pengeluaran daripada pertanian dapat jadi ahli Persatuan Peladang dan sejarah yang lama dari Persatuan Peladang ini sudah banyak menunjukkan petualang² yang telah menunggang Persatuan Peladang ini walau pun mereka itu tidak ada kena-mengena langsung dengan peladang atau petani. Sa-orang yang mempunyai kepentingan lain tetapi barangkali untuk mendapat nama kepada

masyarakat, untuk chepat mendapat bintang kurniaan hari jadi dan sebagainya menggunakan Persatuan Peladang ini dan ini berlaku hatta sebelah pantai timor sendiri dan saya boleh buat cerita panjang tentang Persatuan Peladang di-pantai timor, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya rasa kurang tepat-lah pindaan untuk membuka luas Persatuan Peladang ini. Pindaan yang ada sekarang sa-orang yang ada tiga batang pokok betek di-belakang rumah atau satu sampan kecil boleh dia mengail di-hujong² minggu dia boleh menjadi ahli Persatuan Peladang walau pun dia ini kerja lain dan kepentingan lain semua sa-kali.

Kita tidak mahu, Tuan Yang di-Pertua, terajidi menggunakan pertubohan² yang berguna, pertubohan² suka rela ra'ayat ini oleh orang² yang sebagainya ini dalam masyarakat berulang² lagi. Pada keseluruhan-nya Rang Undang² ini ada-lah baik dan terator, kemas, tetapi dengan pindaan ini saya ragu² sedikit bahawa Persatuan Peladang yang di-chadangkan ini akan dapat menjalankan peranan-nya dengan sa-penoh-nya.

Saya berharap-lah pehak Kementerian Pertanian tolong-lah kaji sa-mula akan perkara ini, entah siapa yang telah mengeshorkan kepada Menteri ini sampai pada masa di-chetak Undang² ini di-adakan pindaan baharu dengan memotong perkataan "kesemua-nya atau sa-bagian terbesar" itu daripada Rang Undang² ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini juga boleh jadi di-gunakan oleh setengah² petualang² politik yang telah gagal dalam politik yang telah tidak dapat tempat dalam politik yang hendak mendapat tempat balek dalam politik dengan chara² lain yang hendak menebus dosa sa-mula menggunakan Persatuan Peladang ini. Jadi perkara² loophole sa-bagai ini, saya rasa, tidak patut kita buka supaya selamat-lah Persatuan Peladang yang kita hendak menjadikan satu harapan baharu yang mana kata saudara saya Ahli Yang Berhormat daripada Seberang Utara tadi satu new deal kepada peladang² di-negeri kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak bagitu mengerti kenapa di-dalam ta'rif peladang ini di-masokkan juga nelayan², yang di-kata :

" includes any person who is engaged in, and whose income is wholly or substantially derived from riverine or estuarine or marine fishing."

Jadi nelayan² di-sungai-kah, di-laut-kah boleh juga masuk menjadi ahli Persatuan Peladang, sudah hilang sa-kali ma'ana Persatuan Peladang kalau nelayan boleh masuk.

Saya hairankan bagini, Tuan Yang di-Pertua, pada hari sa-malam dalam peruntukan pembangunan Kementerian Pertanian, Dewan ini telah bersetuju \$200,000 untuk melancarkan satu gerakan baharu untuk menubuhkan Persatuan² Nelayan atau Fishermen Associations. Jadi kalau sudah ada ranchangan bagi melancarkan Persatuan² Nelayan kenapa-kah di-dalam Persatuan Peladang ini di-benarkan nelayan² juga masuk champor? Jadi saya rasa ini sudah kalang kabut sedikit penyusunan Persatuan Peladang dengan ranchangan baharu untuk menyusun Persatuan Nelayan².

Pada 'umum-nya, Tuan Yang di-Pertua, masaaalah peladang dengan masaaalah nelayan berlainan sama sa-kali. Terutama mengenai nelayan² bumiputera, saya boleh bercerita kesah nelayan kerana kawasan saya kawasan² orang nelayan sa-bahagian besar atau sa-paroh daripada-nya orang nelayan. Masaalah pada orang² nelayan terutama nelayan bumiputera yang ada di-pantai timor—di-kawasan saya sendiri, ia-lah orang² ini orang² yang di-peras oleh tokeh² pukut dan tokeh motor, nelayan yang bekerja kais pagi makan pagi, ikut sa-kadar yang dapat di-untokkan oleh tokeh dia bekerja beberapa bulan, dengan dia makan entah potong beras-kah—potong makan-kah, kadang² di-hantar sampai ka-Johor—ka-Mersing, ka-Sedeli dan sa-bagai-nya bekerja dengan tokeh sana, balek musim lain bekerja di-Trengganu tokeh lain pula dan sa-lama²-nya tidak bebas daripada kongkongan tokeh² dan orang² pemodal² ini. Ini soal masaaalah nelayan dan juga masaaalah² musim tengkujuh penderitaan yang di-alami oleh nelayan² ini sa-lama 4 bulan

musim tengkujuh bagaimana chara hendak menyara mereka itu di-musim tengkujuh. Dan ini masaalah² yang harus di-tekell (tackle) dan di-kendalikan dan di-selenggarakan oleh Persatuan Nelayan itu dengan di-tubuhkan Persatuan Nelayan.

Bila di-champor adokkan peladang dan nelayan sa-kali dalam sa-buah pertubohan saya rasa tidak terpicul oleh Persatuan ini hendak menjalankan tugas-nya menghadapi masaalah pertanian dan peladang dan pada sa-masa itu juga menghadapi masaalah nelayan. Dari segi ini juga saya merayu supaya ini di-tinjau-lah sa-mula dalam perkara ini sa-belum kita melaksanakan sapenoh-nya Rang Undang² sa-bagai yang terchatet ini. Kerana kalau memang sudah menjadi niat dari pehak Kementerian Pertanian hendak melancarkan Persatuan Nelayan potong-lah sahaja nelayan itu daripada masuk kadalam ta'rif peladang², di-sini tidak ada ladang yang hendak di-tanam di-tengah laut tidak ada tanah yang hendak di-tanam sana. Jadi masaalah ini sangat berlainan sa-kali antara dua gulungan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Saya suka memberi kepujian kepada Kementerian ini yang telah memikirkan hendak menubuhkan Persatuan Nelayan, hari sa-malam saya hendak berchakap sedikit, Tuan Yang di-Pertua, atas perkara ini tetapi masa tidak cukup—satu dua orang di-benarkan berchakap—tentang pechahan-kepala nelayan, ini semua satu initiative baharu yang bagus. Jadi ini biar kita asingkan terus daripada soal peladang ini, kita hadapi peladang dengan masaalah²-nya dengan perkara² yang di-hadapi-nya dan dengan chara penyelesaian ini boleh di-buat untuk menolong peladang dan kita cheraikan dia untuk nelayan sahaja dan kita hadapi kelak sa-telah Persatuan Nelayan didirikan yang patut juga hendak di-tiru dari Taiwan bagaimana menghadapi masaalah nelayan ini.

Mengenai tentang meniru chara Taiwan ini, saya pun hairan berkali² kita ini, Persatuan Peladang pun kita tiru Taiwan. Sekarang Persatuan Nelayan yang hendak di-buat pun di-tiru di-Taiwan juga. Saya rasa dalam per-

kara penangkapan ikan ini, bukan Taiwan sahaja sa-buah negeri yang boleh di-jadikan chontoh. Banyak negeri² lain yang telah maju dalam penangkapan ikan ini—Jepun, Denmark, Sweden dan lain² negeri lain yang harus kita ambil chontoh sedikit dan tidak hanya sa-mata² kita menumpukan kapada Taiwan.

Banyak perkara, Tuan Yang di-Pertua, untuk membaiki nasib nelayan² ini yang harus kita kaji untuk memodernkan dan memajukan dan menjayakan kerja menangkap ikan terutama sa-kali bagi nelayan² bumiputera. Saya rasa nelayan² yang bukan bumiputera di-Pantai Barat sudah agak terator sedikit, tetapi nelayan² bumiputera yang ada di-Pantai Timor khusus-nya memang dalam keadaan yang sangat menyedehkan yang perlu di-selenggarakan dan di-selesaikan masaalah mereka itu dengan segera dan sebab itu saya berseru supaya penyusunan persatuan nelayan sa-bagaimana yang di-bayangkan sa-malam dalam peruntukan pembangunan dari Kementerian Pertanian ini dapat di-lancarkan dengan sa-berapa segera pada tahun ini juga sa-boleh²-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberi pendapat sedikit tentang tujuan² yang di-rakamkan di-sini dalam Rang Undang² ini bagi Persatuan² Peladang yang hendak ditubuhkan. Saya rasa tujuan yang sangat penting yang hendak di-lakukan oleh Persatuan Peladang ini ia-lah tujuan tentang (e) ia-itu mengadakan kemudahan² pemasaran bagi pengeluaran ladang dan ternakan peladang². Ini satu tujuan yang sangat penting yang patut di-lakukan oleh Persatuan Peladang ini, kerana memang keadaan peladang² dan petani² kita sa-lama ini menjadi mangsa orang tengah terlalu amat berat.

Saya pernah melihat satu ranchangan tanah yang besar di-Pahang di-Lembah Bilut, di-sana peserta² tanah itu di-beri tanah sa-lain daripada untuk menanam getah, untuk menanam barang²—cash crops, barang² tanaman yang boleh mengeluarkan hasil segera dengan ladanya dengan tanaman sayur-an-nya dan sa-bagai-nya yang di-tanam di-sana,

tetapi oleh kerana barangkali satu chara kongkongan perniagaan yang berjalan di-negeri ini, barang² ini bila di-bawa ka-pasar Bentong—Bentong yang dekat sa-kali tidak laku, bahkan di-beli oleh pekedai² ini dengan harga yang terlalu murah. Kalau lada sampai satu sen, dua sen sa-chupak. Jadi penat-nya peladang² ini tidak padan dengan hasil yang dia dapat. Orang ini beli, orang tengah ini beli, pergi jual dengan harga berpuluh² sen pada sa-chupak. Jadi dengan tidak ada satu tenaga pun, orang² tengah ini telah dapat memeras peloh dan darah petani² dan peladang² itu. Jadi kalau tujuan Persatuan Peladang ini untuk memberi kemudahan² pemasaran, maka ini-lah perkara yang sangat penting sa-kali di-beri perhatian oleh Persatuan Peladang ini.

Demikian juga tentang kemudahan memperoses ia-itu bahagian (f)—provision of warehousing and processing facilities—mengadakan kemudahan² memperoses ini sangat penting. Ini sangat penting di-ambil peranan yang sangat besar oleh Persatuan Peladang ini. Jikalau dengan usaha yang bersama seluruh Persatuan Peladang di-seluruh negeri kita ini bila di-tubuhkan kelak dan menumpukan tenaga untuk memperoseskan barang² hasil pertanian ini, saya rasa kita dalam masa yang chepat sahaja boleh meningkat maju dengan baik, kerana banyak sa-kali sekarang ini barang² pengeluaran pertanian kita yang hanya di-jual dengan harga yang begitu murah sahaja, kerana kita tidak memperoseskan dia menjadikan barang² dia boleh di-buat dengan baik di-jual untuk pasaran yang lebih baik, pada hal jikalau kita ambil berat dengan ada-nya Persatuan Peladang menjadikan tapak kita bergerak, mengawal untuk mengadakan peroses ubi kayu-kah, keledak-kah dan lain² barang di-peroseskan buah²an pun di-peroseskan di-tin dan sa-bagai-nya di-jadikan barang pengeluaran di-buat satu chara penyusunan yang sesuai di-bawah Persatuan Peladang ini, saya rasa kita dapat meningkat satu masa chemerlang dan kegemilangan bagi peladang² kita.

Ini ada-lah sangat mustahak, tetapi, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang besar sa-kali, tugas yang besar sa-kali,

saya rasa, dalam menjalankan Persatuan Peladang ini ada-lah tugas yang di-sebutkan di-sini Supervisor atau Penyelia. Ini-lah orang yang akan bertanggung-jawab untuk menasihati, untuk mengarahkan Persatuan² Peladang ini, kerana ahli² yang menjadi Persatuan Peladang di-kampung² ini bukan orang yang ada pengalaman. Banyak terkandas persatuan² saperti ini kerana tidak ada arahan yang betul dan pimpinan yang betul, daripada orang yang ada pengalaman untuk memimpin mereka itu berjalan.

Jadi untuk memilih Penyelia² di-dalam tiap² negeri ini, harus-lah di-pilih orang yang betul² boleh di-harap memberi pimpinan yang betul bagi kemajuan Persatuan Peladang ini. Jikalau Penyelia ini juga di-ambil orang yang tidak boleh sangat memberi panduan yang baik dan berkesan dan ikhlas dan jujur dan bersungguh², tidak ada harapan persatuan ini hendak berjalan dengan baik.

Jadi ini saya nampak Penyelia ini di-pilih, di-lantek oleh Menteri sendiri dan saya bersetuju lantekan itu memang patut di-buat oleh Menteri, sungguh pun saya dengar tempoh hari ada orang yang tidak setuju nanti pengarah² politik masok, tetapi Menteri mesti bertanggung-jawab memilih orang² ini yang memang dia tahu ada pengalaman yang cukup untuk memberi panduan dan memberi nasihat dan memberi pimpinan kepada Persatuan² Peladang yang baharu disusun ini dan tidak bagaimana kita hendak harapan mereka itu orang kampung itu dengan mereka sendiri boleh berjalan dan tahu boleh berjalan. Jadi perkara yang sangat mustahak ada-lah dalam memilih Penyelia² ini. Penyelia ini juga akan menasihatkan terutama dalam perkara menjalankan tujuan (g) ini ia-itu untuk mengadakan kemudahan pinjam-meminjam. Ini kalau tidak ada pimpinan yang betul, sa-kali dia pinjam nanti, out semua sa-kali, duit pun tidak balek, apa pun tidak balek—lingkup, akhir-nya tutup Persatuan Peladang, duit pun tidak dapat balek. Jadi ini semua harus di-utamakan macham pinjam chara mana untuk perprojek yang sa-macham mana. Ini semua perkara²

yang sangat mustahak yang bersangkutan dengan jawatan Penyelia ini.

Jadi, saya boleh mengatakan susunan yang ada ini merupakan order baharu—order baharu bagi gerakan peladang kita, jikalau tidak kena pada pimpinan yang baik, maka order baharu ini pun akan lingkup juga. Jadi harus ada pimpinan yang baik dan pegawai² Penyelia yang baik bagi memandu Persatuan² Peladang ini supaya dapat berjalan dengan lincis dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya berharap, sa-telah saya memberi pandangan² ini, ia-lah Persatuan Peladang kelak akan merupakan satu gerakan yang sekian hari sekian besar dan kian kuat dan akan merupakan terator dan dapat di-masoki oleh orang² yang betul² ada kepingtingan dalam pertanian dan peladangan sahaja akan dapat menjadi satu pressure group yang betul² berkesan bagi menyekat import barang² dan buah²an dari luar dan pengeluaran tanaman dari luar negeri, kerana pada masa ini pun kerana tidak ada pressure group yang kuat sa-bagaimana yang kita kehendaki, kita sahaja, Kementerian Pertanian sahaja, yang hendak memajukan tanaman buah²an tempatan, hendak memajukan pengeluaran hasil tempatan dan sa-bagai-nya, tetapi import barang² dari luar dan buah²an dari luar ini terlalu banyak—terlalu banyak membanjiri pasar kita—masuk, membawa duit kita keluar daripada saku; barang² itu sampai ka-rumah, hingga kita lupa kepada buah²an² daripada tempat kita sendiri. Orang lebeh suka sekarang membeli mata kucing atau buah apple, atau buah salap daripada luar negeri daripada buah salap tempat kita sendiri atau buah rambutan daripada tempat kita sendiri—satu complex sudah timbul—satu rasa rendah pula rasa-nya dalam masharakat dia, status dia, kalau dia makan buah rambutan, buah manggis sahaja. Dia mesti ada di-rumah dia itu buah apple, baharu nampak status dia itu tinggi pada pandangan masharakat. Ini sudah timbul kerana terlalu banyak import buah² dari luar negeri, tidak ada sekatan yang sesuai bagi kita memberi ke-

sempatan untuk penanam buah²an tempatan ini berkembang dan digunakan oleh penduduk² ra'ayat kita sendiri.

Pada masa² yang akhir ini, sahabat² saya di-kiri kanan ada berkata, kalau hendak makan kacang goreng pun, kacang goreng yang di-tanam di-Ipoh itu pun tidak sedap—dia hendak kacang goreng yang di-bawa daripada luar negeri—daripada negeri China-kah, daripada negeri lain-kah yang buah-nya lebeh hebat dan lebeh baik. Jadi ini-lah complex yang sudah ada di-dalam hati sa-tengah² orang kita dan saya rasa, kalau Persatuan Peladang ini dapat memainkan peranan-nya yang besar menjadi pressure group untuk mendesak sekatan import buah²an dari luar negeri yang sudah tidak berapa perlu ini, saya rasa dia dapat menjalankan peranan yang sa-benar-nya sa-kali.

Di-samping itu untuk mengubati penyakit yang ada pada peladang² dan petani² kita ini tentang orang tengah—ranchangan padi-nya dengan padi kuncha-nya, orang yang mengambil pendahuluan duit daripada taukeh, serba-serbi, saya rasa Persatuan Peladang boleh-lah bergerak dan berjalan dengan maju, boleh di-gunakan sa-bagai alat bagi melancarkan tanaman sa-chara perkumpulan atau pun collective farming, yang telah mula di-jalankan di-Melaka itu. Jadi kalau ini sudah dapat berjaya di-tubuhkan dengan baik dan berjalan dengan baik, maka ini-lah dia alat yang dapat kita gunakan dan di-arahkan oleh Kementerian ini, oleh pandaftar ia-itu, pengarah tanaman sendiri bagi Persatuan Peladang ini menchari jalan supaya melebarkan kawasan tanaman sa-chara perkumpulan atau collective farming ini di-seluruh negeri kita. Saya rasa, bertanam sa-chara berkumpul ini ada-lah satu jawapan yang baik bagi menghapuskan orang² tengah, terutama dalam lapangan tanaman padi. Sekian-lah, terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Speaker, Sir, if one reads through the explanatory notes of this Farmers' Association Bill, one cannot find anything to cavil

at the explanatory notes given by the Legal Draughtsman. It is no secret that this Farmers' Association Bill is a political weapon. Admittedly it seeks also to (*Interruption*)—did I hear the new deal that was enunciated by the Member for Seberang Utara and also the Member for Kuala Trengganu Utara? They all proclaim that this is a new deal and talking of a new deal, one wonders how many more new deals that have to be launched by the Alliance Government before the farmers can get anything at ground level. We are told that the F.L.D.A. is also a new deal and that RIDA was a new deal, but it has gone to its grave unheralded and unmourned for.

Mr Speaker, Sir, it is no secret that that the previous farmers' associations that were formed by the first Minister of Agriculture and Co-operatives, Enche' Abdul Aziz bin Ishak, although they have not been successful, they rather proved very embarrassing to the Party in power. They posed as a challenge to the UMNO. It is no secret that among the reasons for which he was kicked out of the Cabinet was that he was forming far too many farmers' associations up and down the country, and the Government was afraid that should it ever enter into his head to get out of the UMNO, get out of the Alliance, and form a party of his own—and he did form a party of his own before he was clapped into jail—these farmers' associations would proved very embarrassing to the Government.

I wish to ask the Minister of Agriculture and Co-operatives, why have these farmers' associations even after the removal of Enche' Abdul Aziz bin Ishak from office were allowed to die a natural death and why has he now thought fit to bring forward this Farmers' Association Bill? I am not saying that I am against this Bill. It is no secret that if one looks through the objects of the Bill, and I shall come to it presently, one finds that this Bill embraces all the activities in the rural areas. If I heard the Member for Seberang Utara correctly, he said it is a multi-purpose co-operatives. Therefore, all aspects of rural life will be

brought together in this Farmers' Association Bill and the Government, naturally, hopes that having these farmers' associations up and down the country, and having a tight control of it, when comes election time then bakshees can be given to all these farmers' associations, in order to inveigle farmers to vote UMNO to vote Alliance. It is also no secret that this Bill also seeks to prevent subversion and, when one looks through the explanatory notes, there is not a word of subversion, but it is no secret that this Bill seeks to control subversion and it is a political weapon on the part of the Government to see that everybody who is undesirable in the rural sector is weeded out, so that they can all vote as a herd for the Alliance Government.

If one looks at the objects and this has been stressed by a Member—two speakers before me—one sees that the objects are, of course, very laudable—the promotion and establishment of demonstration farms and homes, assistance in the conducting of farm products, exhibitions, and agricultural shows and the like. I would also say very laudable, and if one goes to the page in the explanatory notes, one sees that “these provisions will be those that will be considered vital in order to give these bodies the system needed to achieve their objectives”. Now, if one looks at these objects as has been pointed out by a number of speakers before me, one wonders whether or not these objects will come into conflict with: (1) FAMA, because most of these objectives are also the objectives of FAMA; (2) with any other co-operatives that may be in existence, and there are lots of co-operatives in existence up and down the country with these very objectives. Are we to assume that, with the passage of this Bill and with the establishment of the new farmers' associations up and down the country, these co-operatives which perhaps may have been very well run are to close down in favour of the Farmers' Associations that are to be formed? A clarification on this point by the Minister of Agriculture and Co-operatives, I am sure, will be very

welcome to the people, who are members of co-operatives that have already been formed.

Mr Speaker, Sir, let us look at the definition of a farmer—it reads:

“Farmer means any person who is engaged in the production of agricultural or livestock produce and whose income is wholly or substantially derived from such production and includes any person who is engaged in, and whose income is wholly or substantially derived from riverine or estuarine or marine fishing.”.

and I believe there is an amendment to open the door a little wider, which means that anyone living in the rural area can qualify to be a farmer; and none other than the Member for Kuala Trengganu Utara has pointed out how can you mix the fisherman with the farmer because they have different problem and that their needs are different, and this is a matter which the Minister should bear in mind. But again, Sir, the sinister object of this Bill is no secret. It is all embarrassing and anyone living in the rural areas will come under this definition of “farmer”, the doors of which are now open a little wider so that, presumably, when the time comes, they will all toe the Alliance Party line.

Now, Sir, let us see what I postulate as regimentation, this toeing of the party line. If one looks at Section 9 (1) of the Bill, there is:

“There shall be appointed in respect of every State a Farmers’ Associations Supervising Officer who shall be appointed by the Minister.”

Then, again, in Section 28 (1), “Notwithstanding anything contained in this Act the Minister may, by special order in each case and subject to such conditions, if any, as he may impose, exempt any Area, State or Federal Farmers’ Association from any of the requirements of this Act as to registration.”

Now, Mr Speaker, Sir, in one case we see how much Ministerial interference there is in the appointment of a Supervisor, and the other how much power the Minister has, in order that he can impose, exempt any Areas, State or Federal Farmers’ Association from any of the requirements of this Act or

as to registration. One can see now how much Ministerial, or how much Governmental, interference there is in this matter, and if one goes to the explanatory notes, paragraph 6 reads,

“If the Registrar is of the opinion that it is in the interest of the farmers generally in any particular Area or State he may by order suspend the constitution or rules of the Area or State Farmers’ Association concerned.”

Thus, Mr Speaker, Sir, one can see how much Governmental interference, how much Ministerial interference, there is in this Bill. All these Farmers’ Associations now must toe the line, and if they do not toe the line, there is a Supervisor to take care of it. Then if you do not toe the line, the Registrar can order the suspension of the constitution of the rules of the Area or State Farmers’ Association concerned.

Now, Mr Speaker, Sir, life in this country is regimented bad enough. You have the Internal Security Act to look after the subversive characters; for the younger generation you have the amendment of Internal Security Act requiring a letter of suitability; yet in another Act that has been passed in this House, you require the students in the University of Malaya receiving State scholarships not to take part in politics; and you have restriction placed on rallies. Further, you have laws where if the journalists in this country go off the rails, they are liable to be fined. Life in this country becomes more and more complicated, more and more restricted, and today you have the Member for Kuala Trengganu Utara coming to tell us that we should have collectivism.

Now, Mr Speaker, Sir, if I had that word “Collectivism” way back in 1964, when I was a tenderfoot in this House, no doubt, all those sitting opposite me would have called me a Communist and ask the Minister for Home Affairs to put me in jail. But, today we have the Member for Kuala Trengganu Utara saying that he advocates collectivism. Here, I am not saying that collectivism is bad or is good; I only say that this is the trend of the time and that now I suppose collectivism is part of this “good Communism” that our Prime Minister

tells us. Unfortunately, many of the features of bad Communism also is in our Constitution, also in the Bills that from time to time we have to pass in this House, and I say that the Government is making it very much difficult for law-abiding citizens in this country to carry on their daily lives.

Now, Mr Speaker, Sir, another aspect of this Bill is found in page 4, section 112 which reads:

- (1) Each of the Area, State and Federal Farmers' Associations shall be controlled by a Board of Directors elected at the General Meeting of each such Association once every one calendar year and for that purpose and subject to the provisions of this Act or the constitution or rules of such association the Board of Directors shall have and may exercise the powers of such association.
- (2) For the purpose of conducting the business operations of each of such associations, the Board of Directors aforesaid shall appoint a General Manager, and any other officers on the recommendation of the General Manager."

Now, Mr Speaker, Sir, a Farmers Association should be a purely voluntary association and should be done in one's spare time, so as to bring about a better co-operative life in the rural area. Now, we are introducing this bureaucracy with a vengeance. We have a Board of Directors and now we have a General Manager and other officers on the recommendation of the General Manager. Mr Speaker, Sir, may we have an assurance from the Minister that this aspect of the Bill will be looked into very carefully, so that it cannot be too top heavy, that the people who have no experience of being a Director are not suddenly pitchforked to be a Director—and I do know what sort of Director's fees they will get—that this bureaucracy will not mean jobs for the boys for those in UMNO to the exclusion of those, who are, perhaps, PAS, or perhaps who have no party affiliations.

Mr Speaker, Sir, these are the features of this Bill that I wish to bring to the attention of the Honourable Minister, and a clarification by him on some of the points that I have raised in this House, I am sure, will be of interest to the farmers that are scattered up and down the country.

Mr Speaker, Sir, before I conclude, may I voice a word of protest against the way that the Alliance Government conducts the business of this House. I have here with me the Order Paper for Saturday. On Saturday we were told that we were going to resume the Development Estimates debate and after that we would be debating the Supplementary Supply Bill. Then without a "by your leave" of this House, they put the Supplementary Supply Bill right at the bottom and push these others up. Now, Mr Speaker, Sir, it makes it very inconvenient for those of us, who have to earn a living to come to this House, because we depend on these Order Papers, and we arrange our work outside in order to come here. I am told that in the House of Commons for a long session of this sort, the Government states its business for a whole week, so that Members of Parliament, who have other vocations to do may know what is the business that is coming before the House, and then they can arrange their affairs such that they would not miss, and I will be writing to the Chairman of the Standing Orders Committee on this matter, that the Government in a long session of this nature should declare its business for a whole week and not chip chop and change the Order Paper as they like. None other than the Member for Bungsar has accused the Minister for Finance and the Government of the sharp practice of changing the Order Paper and bringing the Finance Act and then getting it through the House with practically no debate. Thank you.

Tuan Ramli bin Omar (Krian Darat):
Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu dengan sukachita-nya saya menyambut baik Rang Undang² ini kerana ini merupakan satu lagi langkah Kerajaan untuk melicinkan lagi segala kegiatan² yang berthabit dengan kaum

tani ia-itu satu golongan yang terbesar dalam penduduk² negara ini. Kaum peladang kita memang sejak berzaman² ia-lah satu masaalah yang terbiar ia-itu satu keadaan yang memang sudah menjadi tabi'at kepada kaum² penjahaj, tetapi alhamdulillah dengan merdeka-nya negara ini dan dengan berkuasa-nya Parti Perikatan, suatu parti yang di-dukong oleh ra'ayat marhin dan mendukung segala inspirasi dan chita² untuk memberikan mereka itu keadaan yang lebeh baik—untuk membolehkan mereka mengechap hasil kema'amoran negara ini dengan lebeh berkesan.

Moga² dengan terator-nya kegiatan² kaum peladang kita ini maka keadaan itu akan dapat memberikan sumbangan yang lebeh berkesan kepada penge-luar² dan hasil² mahsul negara dan ekonomi seluroh-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kita tahu kaum peladang kita, sa-telah terbiar sekian lama, mahukan panduan, didekan dan pimpinan. Maka dari segi ini-lah saya memandangkan Rang Undang² Persatuan Peladang ini merupakan satu langkah yang berani dan tegas oleh Kerajaan untuk menolong mereka. Mungkin ada sa-tengah² pehak akan mengatakan bahawa sudah-lah dahulu sa-patut-nya Rang Undang² saperti ini di-majukan.

Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, salah satu espek yang mustahak tetapi hingga masa ini agak mengechewakan ia-lah tentang saloran² bagi kaum peladang memasarkan hasil² mahsul tani mereka itu. Kita tahu Kerajaan memang sudah sedar akan perkara ini ia-lah sebab-nya Kerajaan menubuhkan FAMA, tetapi FAMA, sa-panjang yang kita ketahui, hanya menumpukan usaha-nya di-dalam sa-tengah² aspek pemasaran sahaja ia-itu mengenai hasil² yang besar² saperti padi yang ada dalam negeri kita, dan belum lagi ada bayangan bila-kah FAMA akan dapat mengorakkan langkah-nya meliputi pemasaran hasil mahsul kampung yang kechil saperti kelapa, jagong, sayoran² dan lain²-nya.

FAMA ada-lah satu perojek yang bertujuan besar dan sudah mesti-nya mempunyai kerumitan²-nya sendiri. Oleh itu meletakkan harapan pada badan ini patut-lah juga Kerajaan menjalankan langkah² lain untuk memudahkan pemasaran hasil mahsul dari luar bandar yang saya katakan tidak di-pandang sa-bagitu penting tadi dan sa-makin banyak saloran² ini di-adakan sa-makin baik dan sa-makin mudah-lah bagi penghasil² yang tinggal di-luar bandar itu memasarkan penge-luaran-nya. Salah satu daripada jalan ini ia-lah menerusi Persatuan Peladang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga memandang ka-hadapan dan meng-harapkan Persatuan Peladang ini dengan perengkat² yang bertali² yang ada di-sebutkan dalam Rang Undang² ini dapat mengadakan satu chara pemasaran supaya hasil² dari luar bandar itu tidak kechewa di-bolot dan sentiasa bergantung kepada orang² tengah. Umpama-nya Persatuan² Peladang dapat mengadakan perhubungan bagi menjualkan hasil dari kampung saperti yang saya sebutkan tadi. Perhubungan yang saya maksudkan ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah mereka yang benar² mahu memberikan nilaiian yang sa-imbang dengan titek peloh kaum peladang yang mengeluarkan-nya. Pada masa ini pernah kita terdengar daripada kaum² peladang yang merasa kechewa yang lebeh suka membuang hasil-nya ka-dalam sungai daripada menjualkan kepada orang² tengah yang hendak menilaikan chili-nya dengan harga 17 sen sa-kati, ayam-nya 50 dan 60 sen sa-kati, jagong-nya \$5 sa-guni besar, sedangkan di-pasar harga-nya berlipat² kali ganda. Kadang² pula ada orang tengah ini mengancham peladang² saperti tidak hendak membeli barang² yang di-keluarkan oleh peladang hingga pernah orang tengah ini mengeluarkan kata "Itu saya punya wang, saya tidak mahu barang itu".

Dengan tertuboh-nya FAMA dan Persatuan Peladang ini maka dapat-lah kaum peladang yang mengeluarkan titek peloh-nya menilaikan atau menghargakan segala penat lelah-nya.

Jadi yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kaum peladang ini dapat di-jadikan oleh Kerajaan saloran untuk memberikan latehan² peladang dan pertanian dengan lebih berkesan lagi. Kaum peladang sekarang kebanyakan-nya kurang mendapat pengetahuan dan tunjok ajar berkenaan dengan kerja² berladang sa-chara moden. Maka di-sini-lah dapat Kerajaan menunjok ajar tentang hal² berladang itu.

Di-sini suka saya menguchapkan tahniah kepada Kerajaan semenjak beberapa tahun yang lalu telah menghantar kaum² peladang kita atau pun yang di-fikirkan berkelayakan kanegeri² luar untuk memerhatikan kegiatan² peladang di-negara² yang telah lama maju di-dalam perusahaan berladang-nya. Dengan kembali-nya mereka² itu telah dapat menunjok ajarkan kepada peladang² di-luar bandar tentang pengetahuan² yang di-dapati dan dapat-lah peladang² kita di-sini menjalankan perusahaan ladang-nya sa-chara moden sedikit dan hasil yang baik. Daripada itu saya suka juga mengeshorkan supaya lebih ramai lagi kaum² peladang di-hantar untuk mendapat pengetahuan² yang lebih lagi dan negara kita akan dapat hasil yang lebih dan ra'ayat akan ma'amor hidupnya. Mereka yang telah mendapat pengetahuan sedikit sa-banyak ini akan menjadikan model farmer atau chontoh tauladan kepada peladang² yang lain.

Akhir-nya sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, dan yang paling penting saya harap Persatuan Peladang ini dapat di-jadikan oleh Kerajaan sa-bagai satu alat lagi untuk menanamkan dan menyuburkan konsep atau perasaan tentang mustahak-nya kaum peladang dalam masyarakat negeri kita. Kita patut sedar mereka mempunyai kedudukan yang kukuh dan tegoh dalam negeri yang merdeka ini dan mereka mesti-lah berusaha dengan bantuan² dan galakan² Kerajaan untuk menjajokkan peranan mereka sa-bagai salah satu angkatan masyarakat yang terpenting.

Yang penting sa-kali, saya ingin mendapat jaminan daripada Menteri yang berkenaan, ia-lah berkenaan dengan penubuhan Persatuan Peladang ini kelak tidak-lah macham tumbohnya chendawan di-sabuah tempat atau kawasan. Persatuan Peladang ini ditubuhkan hendak-lah di-hadkan kawasan-nya, biar-lah sedikit asalkan berfaedah dan berkemajuan kepada peladang dan negeri kita. Kalau ada Persatuan Peladang yang menyeleweng atau hidup-nya nyawa² ikan, lekas-lah bachakan talkin supaya tidak menyusahkan kita.

Jadi, saya menyokong Rang Undang² ini dengan kuat-nya, Tuan Yang di-Pertua, dan di-uchapkan terima kaseh.

Mr Deputy Speaker: Meshuarat ini di-tangguhkan hingga pukul 4.00 petang ini.

Sitting suspended at 1.00 p.m.

Sitting resumed at 4.08 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

THE FARMERS' ASSOCIATION BILL

Second Reading

Debate resumed.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahathkan Rang Undang² Persatuan Peladang, saya bukan-lah menentang tetapi saya suka memberi pandangan dan pendapat berhubung dengan Rang Undang² Persatuan Peladang yang akan di-luluskan ini.

Tuan Yang di-Pertua muka surat 2—Tujuan² Persatuan Peladang pada Fasal 5 ada menyebutkan:

Mengadakan kemudahan² pemasaran untuk hasil² ladang dan ternakan.

Mengadakan kemudahan² pergudangan dan memperoses.

Mengadakan kemudahan² tabongan wang dan kredit untuk peladang.

Apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, dalam tujuan Undang² Persatuan Peladang ini adalah sudah menjadi Undang² atau

Tambahan Peratoran kepada perjalanan Sharikat Kerjasama². Kalau-lah Persatuan Peladang pula di-beri kuasa yang sama saya berasa bimbang bertentangan di-antara dua Jabatan ini akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, pada muka 2 ini tujuan yang di-terangkan dalam Undang² Persatuan Peladang ini sudah nyata dan terang. Ada-lah Persatuan Peladang ini di-bawah arahan Jabatan Pertanian. Saya pernah mendengar Yang Berhormat Menteri pernah menyuarakan di-minta supaya pegawai² kedua² Jabatan ini hendaklah bekerjasama menunjukkan perkara ini telah mula berlaku perpechahan, berlawanan, bergeseran antara kedua Jabatan ini. Saya berasa bimbang, Tuan Yang di-Pertua, kalau-lah dua Jabatan yang sangat mustahak kepada kaum tani dan nelayan serta penduduk di-luar bandar ini bertentangan yang rugi bukan-lah pegawai² tetapi adalah kaum tani juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi contoh kalau-lah sa-sabauh Persatuan Peladang yang telah mengadakan kemudahan² tabong wang dan kredit untuk peladang. Pegawai manakah yang akan menjaga tabong wang kredit Persatuan Peladang itu? Adakah Pegawai Pertanian atau pun Pegawai Sharikat Kerjasama?

Sa-lain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, harus-lah Menteri menjawab Pegawai Pertanian-lah yang mengawasi kewangan di-Persatuan Peladang itu. Kalau-lah itu saya berasa Pegawai Kerjasama sudah tidak berguna lagi, kerana kuasa² kerja-nya telah diambil alih oleh Pegawai Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat tugas² Persatuan Peladang saya perhatikan di-negeri² lain ia-itu tujuan Persatuan Peladang ia-lah:

- (i) Technic dan Pertanian,
- (ii) Menyusun ranchangan Pertanian,
- (iii) Menjalankan penyelidikan science dan pertanian,
- (iv) Menjalankan kursus latehan pertanian,
- (v) Menggunakan alat² jentera bajak moden,

(vi) Menasihatkan chara² menggunakan beneh², baja² yang baik,

(vii) Chara menambah hasil pertanian dan mutu² pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, dengan lahirnya Undang² Persatuan Peladang ini nyata-lah tugas Jabatan Pertanian dan Persatuan Peladang telah mengambil kuasa Jabatan Kemajuan Kerjasama. Persatuan Peladang tidak mengambil bahagian yang saya tahu seperti di-negeri Denmark dan Sweden.

Tuan Yang di-Pertua, pada muka surat 7—Pendaftaran. Boleh jadi Pengarah Pertanian akan menjadi Pendaftar Persatuan Peladang, dia-lah juga akan menjadi juru odit dalam kira² Persatuan Peladang. Saya berasa bimbang tugas pertanian akan lemah sa-kali lagi kerana petani² apabila berlaku perkara ini petani²-lah yang akan rugi kerana Pegawai² Petanian sebab dengan kedai² peladang, Persatuan² Peladang, barang² peladang, kira² peladang, langsung tidak dapat menjalankan tugas pertanian apa yang seperti saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Undang² Persatuan Peladang ini sangat baik. Saya percaya Yang Berhormat Menteri mengikut contoh Persatuan Peladang di-negeri Taiwan. Itu-lah sebab-nya agak-nya Yang Berhormat Menteri membuat Undang² Persatuan Peladang supaya dapat mengikut contoh Persatuan Peladang yang ada di-Taiwan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat Persatuan Peladang yang ada ini tidak dapat berjalan maju seperti di-Taiwan kalau Undang² Persatuan Peladang ini di-jalankan sa-bagini baik kerana berbeza sungguh kuasa yang di-dapati oleh Persatuan Peladang di-Taiwan dengan Persatuan Peladang yang ada di-Malaysia ini.

Di-Taiwan, Tuan Yang di-Pertua, sa-tahu saya kalau tidak silap, Kerajaan memberi kuasa penoh kepada Persatuan Peladang menjalankan tugas sa-olah² seperti sa-buah Kerajaan Tempatan. Persatuan Peladang di-sana berkuasa memungut chukai tali ayer di-kawasan² dan membuka bank² kerjasama di-bawah kelolaan Persatuan

Peladang dan Kerajaan memberi bantuan penoh kepada Persatuan Peladang di-sana walau pun wang daripada Kerajaan Amerika. ini-lah yang membimbangkan kita, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Persatuan Peladang kita nanti dapat bantuan penoh daripada Kerajaan. Bank Kerjasama di-bawah kelolaan Persatuan Peladang, chukai taliayer² dapat di-pungut oleh Persatuan Peladang. Kalau tidak boleh di-buat sa-kali lagi, saya berasa bimbang satu benchana akan menimpa kepada kaum² tani nanti kerana Pegawai² Pertanian harus tidak dapat menjalankan tugas-nya yang sa-benar kerana dia sebok mengelolakan Persatuan Peladang apa yang saya katakan tadi.

Pada hal kebanyakan ini telah di-chatitkan di-dalam Tambahan Peratoran Sharikat² Kerjasama yang patut sharikat kerjasama mengelolakan hasil-mahsul yang saya sebutkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya dua Jabatan di-bawah satu Kementerian, maka Jabatan² itu pula telah serupa menjalankan tugas yang sama saperti sa-orang yang beristeri dua. Jadi saya berharap pada Yang Berhormat Menteri hendak-lah memberi bantuan yang sama, jangan-lah satu di-sayangi satu di-benchi.

Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong keputusan Meshuarat Agong Bank Agong yang telah membuat rayuan kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat menimbangkan tujuan Rang Undang² yang akan di-sahkan ini bukan Bank Agong menentang tetapi saya bachakan rayuan daripada Bank Agong ini :

"Bahawa Meshuarat Agong Bank Agong pada hari ini mengambil persetujuan memohon kepada Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama menimbangkan sa-mula rancangan hendak memberi tugas yang membolehkan Persatuan Peladang menjalankan kerja² yang sedang di-jalankan oleh Sharikat Kerjasama."

Ini-lah rayuan bagi pihak ahli² sharikat kerjasama seluroh Malaysia, kerana kalau bagi pihak Yang Berhormat Menteri tidak dapat menimbangkan dengan saksama Undang² yang ada ini sudah berma'ana-lah kuasa sharikat kerjasama, Jabatan Sharikat Kerjasama

itu, apa yang saya perkatikan umpamanya pasaran, credit, itu tanggungan sharikat kerjasama sudah di-beri kepada Jabatan Pertanian. Jadi saya tidak-lah hendak memanjangkan ucapan saya berhubung dengan hal ini kerana Yang Berhormat Menteri telah pun menerima satu rayuan daripada pihak Bank Agong supaya dapat menimbangkan sa-mula, bukan menimbangkan untok membatalkan ini—tidak, tetapi menimbangkan ada perkara² yang telah ada di-dalam Undang² Sharikat Kerjasama itu, kalau boleh, di-tarek balek. Ini-lah rayuan saya supaya dapat kita bagi pihak petani dan sharikat kerjasama sa-benar² akan membela kaum tani dan peladang dalam negeri ini, yang kaum tani hendak mendirikan darjah kaum tani, yang sharikat kerjasama hendak mendatangkan hasil yang banyak yang lebeh kepada kaum tani.

Sekian, terima kaseh.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa ada-lah mustahak bagi saya menguchapkan terima kaseh kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian yang telah memberi sokongan penoh sunggoh pun ada sedikit sa-banyak tegoran terhadap kepada Undang² Persatuan Peladang yang di-bentangkan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Besut telah menegor berkenaan dengan lantekan pegawai² yang akan menguruskan Persatuan² Peladang pada perengkat negeri. Beliau berasa khuatir berkenaan dengan lantekan itu takut sa-kira-nya lantekan itu terkena kepada orang² yang tidak berkelayakan terutama sa-kali kalau orang² itu ada mempunyai kechenderongan terhadap kepada siasah.

Saya suka-lah memberi jaminan kepada Ahli Yang Berhormat itu kebiasaan-nya pegawai² yang menguruskan hal Persatuan Peladang ini ada-lah di-lantek daripada pegawai² Kerajaan yang ada pada hari ini ia-itu Pegawai Pertanian tiap² negeri. Kita tidak akan menambah jawatan² baharu

untuk menguruskan masalaah hal-ehwal Persatuan Peladang ini tetapi kita akan menggunakan pegawai² yang sedia ada pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah pun berasa khuatir berkenaan dengan Fasal 26 (1) dan (2) ia-itu fasal membuat peratoran kata-nya kuasa di-beri terlalu luas. Maka di-sini saya suka-lah menerangkan kepada-nya apa juga peratoran yang di-buat di-bawah fasal itu ada-lah berasas kepada Undang² yang di-luluskan pada hari ini dan tidak-lah sama sa-kali di-benarkan atau boleh terkeluar daripada asas Undang² yang di-buat atau di-luluskan oleh Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Jelebu-Jempol telah pun menhadangkan supaya Persatuan Peladang ini di-buka kepada orang² atau ahli² yang bukan menjadi peladang tetapi mempunyai kechenderongan untuk menolong, sama ada memberi nasehat atau pimpinan kepada peladang² di-negeri ini. Pada masa ini saya memikirkan ada-lah mustahak ia-itu ahli² Persatuan Peladang ini di-ambil daripada ra'ayat negeri ini atau pun petani² dan peladang² yang mendapat pendapatannya daripada hasil pertanian. Maka dengan sebab itu saya akan membawa satu pindaan pada peringkat Jawatan-kuasa ia-itu membuang perkataan "kesemua-nya atau sa-bahagian besarnya". Ini di-fikirkan mustahak di-buangkan daripada Undang² yang ada pada hari ini dengan sebab ada terdapat di-dalam beberapa kawasan dalam negeri ini di-mana peladang² dan penduduk² yang ada di-tempat itu yang tidak sa-mata² bergantung kepada ladang telah bekerjasama dengan baik-nya dan bersama² memimpin Persatuan² Peladang yang ada di-dalam negeri ini. Kita dapat mithalkan di-satu kampung di-mana ada sa-orang pekedai atau pun di-mana ada sa-orang pegawai Kerajaan—guru atau sa-bagai-nya—yang bergantung besar pendapatannya kepada gaji tetapi mereka ini juga mempunyai tanah dan membuat ladang di-kawasan itu, adakah patut kita menolakan sama sekali mereka ini daripada masuk menjadi ahli Persatuan Peladang.

Kalau sa-kira-nya kita bandingkan pendapatan hasil ladang-nya dengan gaji yang di-terima-nya sa-bagai sa-orang guru sudah tentu-lah gaji sa-bagai sa-orang guru itu akan melebihi pendapatan hasil daripada bendang-nya atau pun kebun getah-nya dan sa-bagai-nya tetapi di-fikirkan pula adakah mustahak atau pun patut orang ini di-tolak semua sa-kali daripada menjadi ahli Persatuan Peladang dan mengambil bahagian dalam Persatuan Peladang. Maka dengan sebab itu-lah saya telah memikirkan masalaah ini dan akan membawa pindaan kepada Undang² ini. Tetapi kalau sa-kira-nya pada satu masa akan datang di-fikirkan mereka ini akan menjadi jelatang atau pun merosakkan perjalanan Persatuan Peladang dan lain², maka kita akan membawa pindaan pada masa akan datang sa-kira-nya hendak keluar-kan mereka ini daripada menjadi ahli Persatuan Peladang atau pemimpin² Persatuan Peladang.

Ahli Yang Berhormat daripada Jelebu-Jempol juga telah mengshorkan supaya latehan di-beri dengan lebih luas. Perkara ini telah pun di-jalankan oleh Jabatan Pertanian dan jabatan² yang lain di-bawah Kementerian ini ia-itu memberi latehan yang lebih luas daripada segi pertanian, segi ternakan dan segi perikanan, tambah pula daripada segi sharikat kerjasama. Perkara ini ada-lah di-jalankan daripada satu masa ka-satu masa latehan di-beri di-pusat² latehan yang ada di-dalam negeri ini. Bagi tahun ini dan tahun² akan datang latehan yang lebih luas dan bilangan yang lebih ramai akan di-beri kepada peladang², petani² dan nelayan² yang ada di-dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah mengshorkan supaya bantuan daripada Kerajaan kepada Persatuan² Peladang di-beri atau di-tambahkan lagi supaya dapat bergerak lebih lancar. Maka di-sini suka-lah saya menyatakan dengan ada-nya Persatuan Peladang ini pehak pejabat² sama ada, Pertanian, Haiwan, Perikanan dan lain² dapat melancarkan ranchangan² extention mereka dan juga ranchangan² memberi

pengetahuan kapada petani² dan peladang² dan nelayan² dengan lebeh luas-nya melalui Persatuan² Peladang.

Ahli Yang Berhormat daripada Hilir Perak telah menegor berkenaan dengan Bab 10 (a) ia-itu kata-nya perkataan “nasehat atau advice” itu tidak menchukupi tetapi hendak-lah di-adakan—di-tukarkan kapada perkataan lain—“kawalan” atau sa-bagai-nya. Jadi saya rasa perkara itu ada juga terkandung di-dalam 10 (c), “inspect and supervise the activities of Area Farmers’ Associations in the State.” Jadi berma’ana-lah pegawai pengawalan itu dapat memeriksa dan mengawal segala langkah² dan perjalanan Persatuan Peladang yang ada di-dalam negeri itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah bertanya apa-kah ta’rif kawasan. Dalam masaalah ta’rif kawasan ini pada masa ini sa-telah saya berunding dengan pegawai² yang tertentu kita akan menubuhkan Persatuan² Peladang ini kapada peringkat mukim. Kita tidak berkehendakkan banyak Persatuan Peladang di-tubuhkan di-dalam negeri ini sa-hingga tidak hendak dapat di-kawal. Tetapi kalau sa-kira-nya kita menubuhkan Persatuan Peladang ini pada peringkat mukim atau pun dua mukim di-chantumkan di-jadikan satu Persatuan Peladang, maka dengan chara yang demikian ini kawalan kapada Persatuan² Peladang itu akan dapat di-adakan dengan lebeh rapi dan dengan lebeh sempurna. Dan saya perchaya perjalanan² Persatuan Peladang itu juga akan dapat di-uruskan dengan lebeh baik. Kita telah mendapat pengalaman daripada pertubohan² yang ada pada hari ini terutama sa-kali sharikat kerjasama²—saya faham benar²—penubohan sharikat kerjasama yang berchambah dengan banyak-nya dalam negeri ini dan dengan mengandongi bilangan ahli yang sangat kechil 20 orang, 30 orang atau pun 50 orang tidak dapat menjalankan ranchangan² yang tertentu dan tidak dapat mengeluarkan wang yang chukup-nya atau sa-wajar-nya untuk menjalankan ranchangan² itu. Maka dengan sebab itu, pehak Kementerian telah memikirkan ia-itu kawasan

yang di-sebutkan ini ia-lah satu Mukim atau pun sa-kira-nya mustahak dua persatuan peladang di-dalam sa-buah Mukim. Kita tidak mendirikan atau menubuhkan banyak Persatuan Peladang di-dalam sa-sabuah Mukim itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Untuk penjelasan. Saya minta jaminan daripada Menteri Yang Berhormat, ada-kah Pengelola yang akan di-tubuhkan itu mempunyai tugas untuk mengawal tumbuh-nya Persatuan² Peladang dengan macham chendawan tumbuh dan ada-kah Menteri Yang Berhormat boleh memberi jaminan bahawa Pengelola yang tadi-nya juga mempunyai tugas memberi kawalan kapada Pertubohan² Peladang itu dapat menentukan mana² kawasan yang boleh di-dirikan Persatuan Peladang itu.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu dapat di-kawal dengan sebab pendaftaran-nya ada-lah di-buat oleh Pendaftar ia-itu Pengarah Pertanian sendiri. Jadi kalau sa-kira-nya—kita akan menentukan chara² dan tempat² atau kawasan² yang perlu di-tubuhkan Persatuan² Peladang ini dan sa-lain daripada itu kita chuma menolak pendaftaran-nya, maka berma’ana-lah Persatuan Peladang tidak tumbuh di-kawasan² yang tidak di-ingini.

Ahli Yang Berhormat daripada Sabak Bernam menchadangkan supaya pertunjukan², pameran dan sa-bagai-nya hendak-lah di-hadkan kapada Persatuan Peladang. Maka ini saya suka-lah menyatakan ia-itu badan yang mengambil daya utama bagi mengadakan pertunjukan pameran dan sa-bagai-nya ini ia-lah terdiri daripada Persatuan Peladang, Sharikat Kerjasama dan lain², tetapi kita tidak pula menolak mana² badan lain atau ahli persorangan daripada mengambil bahagian yang tersebut ini. Ahli Yang Berhormat itu juga telah menchadangkan supaya Persatuan Peladang ini memikirkan masaalah memperoses kelapa dengan sebab kelapa ada-lah satu jenis tanaman yang di-punya² oleh sabilangan besar penduduk² dalam negeri ini atau peladang² dalam negeri ini. Maka saya suka-lah menyatakan disini memperoses kelapa ini juga akan

menjadi salah satu daripada perkara² yang akan di-ambil berat oleh Persatuan² Peladang yang akan di-tubuhkan itu kelak.

Ahli Yang Berhormat daripada Sabak Bernam juga menhadangkan supaya di-masokkan ka-dalam Jawatan-kuasa Persatuan² Peladang, pegawai² daripada jabatan² yang lain. Ini adalah satu pandangan yang baik, tetapi saya fikir tidak-lah mustahak yang pegawai² daripada Jabatan lain itu di-masokkan ka-dalam menjadi ahli Jawatan-kuasa tetapi pegawai² itu akan memberi nasihat dan pertolongan kepada Persatuan² Peladang yang ada di-seluruh negeri ini.

Saya telah pun memikirkan ia-itu memutuskan akan menubuhkan Jawatan-kuasa² Penasihat pada peringkat national dan pada peringkat Negeri dan boleh jadi juga pada peringkat daerah. Sunggoh pun Pendaftar Persatuan² Peladang ini ia-lah Pengarah Pertanian itu sendiri, tetapi satu Jawatan-kuasa Penasihat yang terdiri daripada semua Pengarah² daripada Jabatan² yang bersangkutan-paut dengan pergerakan Persatuan Peladang sama ada daripada Kementerian saya, atau pun daripada Kementerian yang lain juga akan di-jadikan ahli Jawatan-kuasa Penasihat ini dan mereka ini akan menasihatkan perkara² yang mesti di-jalankan, atau patut di-jalankan oleh Persatuan Peladang bagi memajukan peladang² dan petani² dalam negeri ini. Dengan ada-nya Jawatan-kuasa Penasihat ini, saya percaya segala urusan dan juga langkah² yang hendak di-jalankan oleh Kementerian lain, atau pun Jabatan² yang lain dapat di-rundingkan bersama di-dalam ini dan ini akan dapat menolong pergerakan Persatuan Peladang yang ada di-dalam negeri ini. Begitu juga pada peringkat Negeri semua Ketua² Jabatan di-bawah Kementerian saya akan menjadi Jawatan-kuasa Penasihat kepada pegawai yang menguruskan Persatuan Peladang dalam negeri itu dan segala bantuan dan segala²-nya dapat di-rundingkan bersama di-dalam Jawatan-kuasa yang saya sebutkan itu.

Ahli Yang Berhormat daripada Perlis Utara telah bertanya dapat-kah Persatuan Peladang menjadi wakil atau ejen menjual baja dan lain². Jadi perkara ini, sa-bagaimana yang saya telah sebutkan beberapa kali, ada tempat Persatuan Peladang boleh menjadi ejen dan ada tempat Persatuan Peladang barangkali tidak dapat jadi ejen. Kalau sa-kira-nya ejen menjual baja dan sa-bagai-nya itu ada di-tangan sharikat kerjasama. Saya tidak-lah hendak pula rebut daripada sharikat kerjasama, beri pula kepada Persatuan Peladang dan sa-bagai-nya. Jadi ini akan merosakkan perhubungan yang baik yang ada di-antara sharikat² kerjasama dan Persatuan² Peladang, tetapi kalau sa-kira-nya di-tempat itu sharikat kerjasama tidak mengambil bahagian menjual baja atau pun tidak meliputi kawasan² yang tertentu, maka dalam kawasan itu boleh jadi Persatuan Peladang akan menjadi wakil bagi menjual baja dan lain².

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara ada menyebutkan berkenaan dengan hal mengawal nelayan² dan pada pagi ini Ahli dari Kuala Trengganu juga ada menyebutkan mengapa-kah di-masokkan nelayan² di-dalam Persatuan² Peladang. Maka di-sini saya suka-lah menerangkan sa-hingga hari ini undang² bagi menubuhkan Persatuan² Nelayan belum ada lagi, melainkan nelayan² boleh menubuhkan persatuan² mereka, sama ada di-bawah Undang² Sharikat Kerjasama atau Undang² Persatuan²—Societies Ordinance. Jadi dengan sebab itu kita memikirkan sangat susah bagi menguruskan, mengawal nelayan² ini sa-kira-nya mereka mengadakan persatuan² mereka yang di-daftarkan di-bawah Undang² Persatuan. Maka dengan sebab itu-lah sa-telah berunding dengan Pengarah Perikanan, nelayan² ini juga akan di-masokkan sa-bagai peladang² dan petani². Jadi sa-bagaimana yang saya sebutkan tadi Persatuan Peladang akan di-tubuhkan pada satu Mukim dan Persatuan Peladang Mukim itu boleh mengadakan ranchangan² mereka. Ranchangan nelayan, ranchangan hal kelapa, ranchangan hal itu dan ini di-dalam Mukim mereka sendiri. Jadi dengan chara yang demikian saya percaya

kemuslihan nelayan² tidak akan teringgal dan jika sa-kira-nya pada satu masa kelak di-fikirkan mustahak di-adakan satu lagi undang² untuk mengadakan Persatuan Nelayan, maka kita akan bawa pula undang² itu, tetapi saya ingat kalau banyak langsung pertubohan, banyak undang² ini, susahlah bagi saya hendak mengawal, biarlah saya chuba dahulu dengan nelayan² di-masokkan di-dalam Persatuan² Peladang dan di-uruskan menerusi Persatuan² Peladang yang ada. Tambahan pula, nelayan sungguh pun kehidupan mereka bergantung besar kepada ikan, tetapi mereka juga ada mempunyai tanah untuk berchuchok-tanam dan sabagai-nya. Jadi dengan keadaan ini dapat-lah kita memberi pertolongan yang lebeh kepada nelayan² kita yang ada di-dalam negeri ini.

Tuan Mohamed Idris bin Matsil:

Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri—di-dalam Development Estimate yang baharu di-luluskan malam samalam dalam Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama memang ada di-peruntokkan bantuan kepada Fishermen Association, jadi ma'ana-nya Kerajaan telah ada memberi bantuan khas kepada Fishermen Association tertentu kepada nelayan, jadi kenapa pula sudah ada itu, hendak di-masokkan dalam Persatuan Paladang lagi?

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:

Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun nelayan² di-masokkan di-bawah Persatuan² Peladang, tetapi sa-kira-nya mustahak nelayan² ini boleh mengadakan sharikat² kerjasama mereka, atau pun dapat mengadakan persatuan² mereka di-bawah Undang² Persatuan yang saya sebutkan tadi. Sungguh pun pehak Kementerian tidak menggalakkan—kita tidak galakkan itu, kalau sa-kira-nya mustahak nelayan² yang ada di-tempat yang tertentu, atau pun menjalankan perusahan yang tertentu, sama ada pukut tunda, pukut hanyut, apa pukut sa-kali pun, di-galakkan supaya menubuhkan pula sharikat kerjasama mereka sendiri. Walau pun mereka dudok di-dalam Persatuan Peladang tidak menghalang mereka menubuhkan sharikat kerja-

sama mereka sendiri, kerana ahli² Persatuan Peladang itu chuma dapat menerima pertolongan atau bantuan atau apa juga, sa-chara 'umum. Tetapi kalau sa-kira-nya ada di-antara ahli Persatuan² Peladang itu memikirkan mereka hendak buat sharikat kerjasama yang menguruskan perkara² yang tertentu, sama ada memperoses getah mithal-nya, menanam limau atau sabagai-nya, maka mereka ini di-galakkan mengadakan sharikat² kerjasama. Dan bantuan sa-bagaimana yang ada tersebut dalam Anggaran Perbelanjaan Kemajuan itu akan dapat di-salurkan kepada sharikat² kerjasama atau pertubohan² yang tertentu ini. Jadi perkara itu telah pun berjalan sa-hingga hari ini dengan baik-nya, dan kita memberi bantuan kepada nelayan² dengan, saya rasa, terator dan saya berasa puas hati dengan keadaan yang ada pada hari ini.

Ahli Yang Berhormat daripada Seberang Utara telah menchadangkan supaya 10 (c) ia-itu berkenaan dengan memereksa dan mengawal langkahan² yang di-jalankan oleh areas Farmers Association di-dalam sa-buah negeri—beliau meminta tambahkan—di-teruskan kepada peringkat Negeri. Jadi perkara² ini saya telah pun membawa pindaan, saya rasa telah pun di-edarkan dan akan di-bawa sa-masa dalam committee stage.

Ahli dari Seberang Utara juga telah pun menerangkan berkenaan dengan lantekan di-bawah 12 (1) ia-itu lantekan Directors sa-tahun sa-kali, dan beliau minta supaya di-lanjutkan kepada beberapa tahun—kata-nya di-Taiwan, empat tahun. Tetapi Persatuan Peladang telah berjalan di-Taiwan berpuluh² tahun, kita di-sini baharu hendak mula. Kalau sa-kira-nya kita lantek sa-saorang itu sampai tiga atau empat tahun, kalau sa-kira-nya kita dapati yang dia itu bekerja tidak baik, tidak dapat menjalankan tugas dan sabagai-nya, tidak ada kuasa hendak menolak-nya. Kalau sa-kira-nya ada kuasa menolak hendak suspend sa-kali pun boleh—kuasa Menteri atau kuasa registrar suspend. Tetapi ini akan menimbulkan satu keadaan yang tidak baik. Maka dengan sebab itu, saya

fikir, ada-lah mustahak bagi permulaan, kita hadkan meshuarat agong ini sa-tahun sa-kali—lantekan pegawai ini sa-tahun sa-kali. Kalau sa-kira-nya dia itu orang baik, menjalankan tugas dengan ikhlas, dengan betul, tidak ada sebab yang dia tidak di-lantek samula. Tetapi kalau sa-kira-nya dia tidak baik, biar-lah dia keluar. Tetapi kalau sa-kira-nya kita letakkan dalam undang², lantekan dia sa-lama tiga tahun, ini akan merosakkan. Kalau mereka ini tidak mengadakan meshuarat sa-lama tiga tahun, tidak ada langkah yang boleh di-buat melainkan mesti suspendkan undang² dia atau pun by-laws dia atau pun peratoran dia. Jadi ini akan merosakkan keadaan masharakat di-dalam kawasan itu. Maka dengan sebab itu-lah di-fikirkan, bagi pertama ini, kita memulakan sa-tahun sa-kali. Dan sa-kira-nya mastahak, sa-lepas dua tiga tahun besok, kita tengok perjalanan sudah baik, kita boleh ubah daripada sa-tahun sa-kali kepada tiga tahun sa-kali—saya tidak ada apa² halangan pada masa itu.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menerangkan berkenaan dengan tujuan² Persatuan Peladang yang sama, katanya, dengan tujuan² sharikat kerjasama, dan harus kedua²-nya gagal kalau sa-kira-nya tidak betul² diuruskan. Saya juga bersetuju, kalau sa-kira-nya ta' betul² diuruskan kedua²-nya boleh jadi gagal.

Tetapi kita mesti ingat, hari ini di-dalam negeri kita ada lebih daripada 700 buah pertubohan atau Persatuan Peladang yang di-daftarkan di-bawah Undang² Persatuan, dan di-kawal oleh Pendaftar Persatuan, bukan oleh Kementerian saya, bukan oleh Pengarah Pertanian. Chuma hari ini, kami salah² hidong tidak manchong pipi tersorong², pergi menguruskan masalah persatuan² peladang. Tetapi mereka ini bukan-nya dudok di-bawah Kementerian ini, bukan dudok di-bawah Pejabat Pertanian—mereka ada-lah di-daftar di-bawah Undang² Persatuan. Dan mereka berjalan mengikut Undang² Persatuan bukan Undang² Persatuan Peladang. Dengan sebab memikirkan keadaan² ini, dan perjalanan mereka hari ini—ada sa-

tengah-nya sudah melanggar Undang², dengan sebab ada satu dua pula chuba hendak buat meniaga, tetapi menurut Undang² Persatuan tidak boleh meniaga—jadi bermacam² perkara yang berlaku telah pun menyebabkan kesusahan sedikit. Dengan sebab itu-lah saya memikirkan patut-nya persatuan² peladang ini di-tubuhkan di-bawah Undang² Persatuan Peladang sendiri dan di-kawal, di-jaga oleh Pegawai² Pertanian dan Pegawai² yang lain yang bersangkutan-paut dengan peladang² ini. Jadi dengan sebab itu saya terpaksa berbuat demikian—mengadakan undang² ini dan menubuhkan persatuan² peladang itu kelak. Dan saya rasa, patut juga, bagaimana yang di-tegor oleh Ahli itu, memikirkan masalah perjalanan dua pertubohan ini. Saya telah pun mengadakan perundingan dengan Pegawai Pertanian dan Pesuruhjaya Sharikat Kerjasama, saya akan pula mengadakan perundingan dengan wakil² daripada sharikat kerjasama dan wakil² persatuan peladang. Jadi jangan-lah pula ada di-antara mereka itu yang bergaduh yang akhir-nya dua anak bergaduh, bapa barangkali kena lutu semua sa-kali. Jadi dengan sebab itu saya akan jaga masalah itu, tetapi saya suka-lah menerangkan di-sini, sunggoh pun sharikat² kerjasama telah menjalankan peranan² atau tujuan² yang ada di-dalam undang² ini, tetapi pergerakan sharikat kerjasama tidak-lah meliputi seluruh negeri ini. Kita ambil satu kawasan, Krian mithalnya—sharikat² kerjasama ada di-tubuhkan di-sana, tetapi chuma lebih kurang 10% membawa kepada 15% sahaja penduduk yang ada di-Krian—peladang dan petani yang ada di-Krian, masuk menjadi ahli sharikat kerjasama. Apa akan jadi kepada 85% lagi? Mereka ini peladang—mereka berkehendakkan bantuan, mereka berkehendakkan pemasaran yang baik, berkehendakkan harga padi yang baik, hendak itu dan ini yang baik, tetapi mereka tidak menjadi ahli pertubohan mana² sa-kali pun. Dan saya rasa, dengan ada-nya persatuan peladang ini dapat-lah persatuan peladang ini sa-kurang²-nya mengambil sa-tengah lagi daripada mereka itu, menguruskan hal mereka itu. Dan saya akan mengadakan peratoran² supaya

kepentingan ahli² sharikat kerjasama yang ada pada hari ini tidak terganggu atau terusek. Kita tidak boleh memikirkan masaalah pertubuhan, tetapi yang kita mesti dan harus memikirkan ialah masaalah peladang² dan petani² sa-umum-nya. Jadi ini-lah yang akan di-jalankan menurut undang² ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara—telah pun saya sebut berkenaan dengan tafsiran peladang²—bertanya mengapa-kah chuma ambil chontoh daripada Taiwan sahaja tetapi tidak daripada negeri² yang lebeh maju, sa-umpama Jepun atau pun negeri² di-sa-belah Barat dan lain² lagi. Jadi saya rasa dukachita-lah dengan sebab saya belum melawat negeri² sa-belah barat, saya tidak tahu bagaimana keadaan peladang² atau petani² di-sana dan pergerakan kerjasama atau pun pertubuhan peladang atau sa-bagai-nya. tetapi saya sudah melawat Taiwan saya tahu-lah keadaan di-sana.

Tetapi satu perkara yang kita mesti ingat kalau sa-kira-nya kita hendak mengambil chontoh apa yang berlaku di-Negeri Eropa atau pun negeri² barat, mithal-nya, kita tidak boleh, chontoh itu di-bawa ka-negeri kita, kerana peladang² dan petani² di-negeri barat tidak ada sa-orang pun yang mempunyai tanah sa-luas $\frac{1}{2}$ atau 2 ekar. Bila di-sebutkan peladang di-sana, peladang itu mempunyai tanah lebeh daripada lebeh 500 ekar 1,000 ekar, 2,000 ekar ada yang sampai 10,000 ekar. Tetapi petani dan peladang kita di-sini chuma mempunyai tanah 2 ekar, 3 ekar sa-tinggi²-nya 6 ekar. Jadi adalah lebeh sesuai kalau kira-nya kira berhati² mengambil chontoh daripada apa yang berlaku di-sekeliling kita.

Di-negeri Taiwan, mithal-nya, sa-orang petani itu pukul rata mempunyai tanah tidak lebeh daripada 2 ekar. Jadi apa yang mereka boleh buat dengan tanah yang 2 ekar, mereka boleh menanggung nafkah anak isteri, boleh menghantar anak sekolah, boleh itu dan ini, dan boleh mendapat wang yang chukup untuk perbelanjaan, inilah chontoh yang kita mesti ikut dan kita mesti jalankan dalam negeri kita.

Jadi itu-lah sebab² saya rasa banyak daripada chontoh² yang di-beri, terutama sa-kali wakil dari Seberang Prai Utara tadi. Saya rasa tidak kurang empat kali di-sebut perkataan Taiwan, jadi dia juga ada melawat di-sana dan mendapat perhatian atau pengalaman daripada Taiwan dan saya rasa banyak daripada Ahli² Dewan ini telah pun melawat Taiwan sudah tentu-lah banyak pengalaman pelajaran yang dapat kepada mereka dan saya harap itu dapat di-beri chontoh pula kepada petani² dan peladang².

Ahli² Yang Berhormat dari Batu telah pun merasa, saya tidak tahu-lah takut-kah, chuak-kah, berkenaan dengan ada-nya Persatuan Peladang dan kata-nya, ini akan menjadi satu sumber bagi mendapatkan undi² dalam Pilihan Raya dan akan menyokong Perikatan. Jadi saya rasa soal Persatuan Peladang ini tidak-lah patut kita kaitkan dengan Parti. Kita fikirkan masaalah kepentingan ra'ayat daripada segi pertanian daripada segi ekonomi, dan sa-bagai-nya dan kita memikirkan ada-lah mustahak Persatuan Peladang ini di-tubuhkan. Jadi kalau sa-kira-nya takut kepada Persatuan Peladang dan katakan tidak usah tubuhkan Persatuan Peladang atau pun jangan kuat sangat dan sa-bagai-nya yang rugi, yang rosak, ia-lah ra'ayat petani dan peladang. Jadi saya rasa ini tidak-lah menjadi satu logic kerana sa-bagaimana yang telah pun di-buktikan oleh Menteri yang sa-belum daripada saya, sa-belum dari Enche' Mohamed Khir lagi ia-itu Enche' Aziz Ishak dia sebut nama Enche' Aziz Ishak, berharap dan bergantung kepada sokongan Persatuan Peladang dan Sharikat Kerjasama tetapi apa telah jadi, dia kalah dalam Pilihan Raya. Jadi berma'ana di-sini bukan kita bergantung kepada Persatuan Peladang, bukan kita bergantung kepada Sharikat Kerjasama hendak menang Pilihan Raya, hendak menang pilihan raya, kita mesti-lah menjalankan dasar Kerajaan kita dengan baik dan ahli² yang bertanding itu mesti-lah di-perchaya² oleh ra'ayat. Kalau Parti baik sa-kali pun, kalau ahli tidak baik, kalah juga. Jadi dengan sebab itu soal masaalah Persatuan Peladang ini

bukan-lah masalaah politik tetapi adalah masalaah meninggikan taraf hidup ra'ayat yang ada di-luar bandar terutama sa-kali peladang² dan petani².

Ahli dari Batu juga telah bertanya, apa akan jadi co-operatives yang ada pada hari ini atau pun Sharikat Kerjasama. Saya berani berkata di-sini Sharikat Kerjasama yang ada pada hari ini terutama sa-kali Sharikat² Bank atau pun Sharikat² yang menjalankan tujuan aneka jurusan ini akan menjadi lebeh maju pada masa yang akan datang dengan kerjasama yang di-dapati daripada Persatuan² Peladang. Tetapi Sharikat² yang pada hari ini hidup segan mati tidak mahu, boleh jadi menerima akibatnya burok. Jadi saya rasa Ahli² Sharikat Kerjasama sendiri tidak akan menangis kalau sa-kira-nya Sharikat² yang hari ini menjadi yang membawa nama burok kepada Sharikat Kerjasama itu, tetapi kepada Sharikat yang mahu maju, ingin maju, mereka akan lebeh maju dengan ada-nya kerjasama daripada Persatuan² Peladang bagi masa akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga telah pun menyentuh Section 28, ia-itu berkenaan dengan suspension Persatuan² Peladang ini. Kata-nya, ini ada-lah menjadi Government interference di-dalam masalaah ini. Saya terpaksa-lah menolak tuduhan ini kerana bab berkenaan dengan suspension ini patut di-adakan dan kuasa ini patut di-beri kepada Pendaftar Persatuan Peladang kerana daripada pengalaman yang kita dapati yang sudah daripada segi Sharikat Kerjasama ada di-antara Sharikat² Kerjasama mithalnya, yang Ahli² Jawatan-kuasa-nya telah membekukan segala urusan pelaksanaan sharikat itu dan ada di-antara-nya yang tidak mengadakan meshuarat 2 tahun atau 3 tahun dan kepada Sharikat² yang sa-umpama ini terpaksa-lah langkah di-ambil walau pun terpaksa kita menggantungkan perjalanan Sharikat itu, menggantungkan peratoran² Sharikat itu dan sa-bagai-nya. Jadi saya rasa kalau sa-kira-nya perkara yang sa-umpama ini berlaku, ini bukan-lah satu langkah yang di-jalankan oleh Kerajaan yang

tidak bijak atau pun hendak mencham-pori masalaah Sharikat Kerjasama atau Persatuan Peladang. Tetapi ia-lah untuk hendak menjaga kepentingan ahli² kerana di-mainkan oleh Ahli² Jawatan-kuasa.

Perhubungan dengan lantekan Directors dan General Manager di-takuti kerja² ini di-beri kepada Ahli² UMNO, maka saya suka-lah menyatakan di-sini Directors ini akan di-beri chuma barangkali bonus mengikut banyak pendapatan Persatuan Peladang itu dan di-putuskan oleh Persatuan Peladang itu sendiri dan berkenaan dengan General Manager daripada Ahli UMNO ini saya tidak-lah dapat hendak menjamin yang General Manager itu bukan datang daripada Ahli UMNO kerana di-kampung² di-luar bandar kebanyakan peladang² ini ia-lah orang² UMNO. Jadi kalau sa-kira-nya sa-orang daripada mereka itu menjadi Manager ini bukan-lah berma'ana satu favouritism atau pun satu langkah yang di-ambil oleh ketua² di-atas melantek orang UMNO tetapi ada-lah hak-nya sendiri dengan sebab ia-sa-orang peladang dan mempunyai kelayakan menjadi Pengurus Agong atau Pengurus Persatuan² Peladang itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batu juga dalam membahaskan undang² ini telah pun membangkitkan satu protest berkenaan dengan Order Paper yang di-tukar oleh Kerajaan mengikut kehendak Kerajaan. Kata-nya dia berharap supaya Order Paper itu jangan di-tukar² supaya dapat-lah beliau datang mengikut kehendak-nya pula. Jadi saya rasa, sa-bagai sa-orang Ahli Dewan ada-lah mustahak dan patut bagi-nya menghadziri meshuarat Dewan ini pada ketika Dewan ini bersidang, tidak-lah chuma datang ketika hendak berchakap, lepas berchakap dia balek, kemudian bila hendak datang menyerang Kerajaan dia balek sini pula kemudian dia balek. Jadi ini tidak-lah memberi faedah yang besar kepada Dewan ini.

Ahli Yang Berhormat dari Krian Darat telah pun memberi kepujian. Kebanyakan-nya, saya rasa kepujian ini belum-lah dapat saya terima sa-hingga sa-lepas daripada pelaksanaan-nya dan

pelaksanaan itu berjaya. Kalau sa-kiranya berjaya baharu-lah dapat saya terima dan kalau tidak berjaya saya tidak dapat terima pujian ini.

Dan di-atas shor-nya menghantar peladang melawat keluar negeri ini akan di-buat daripada satu masa ka-satu masa dan sa-bagaimana yang saya sebutkan barangkali bulan hadapan, bulan April nelayan² akan di-hantar untuk melawat ka-Taiwan dan ka-Korea supaya dapat nelayan² itu sendiri melihat atau mengambil bahagian di-dalam menangkap ikan di-Taiwan dan Korea itu.

Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan telah pun berchakap panjang berkenaan dengan perhubungan di-antara Persatuan Peladang dan Shariat Kerjasama sa-bagai Pemangku Pengurus Apex Bank. Jadi saya mengambil ingat dalam masa-lah itu dan saya akan berunding dengan-nya lebeh lanjut berhubung dengan perkara ini.

Di-atas satu tuduhan sa-kira-nya Persatuan Peladang ini di-galakkan dan di-uruskan oleh Pegawai² Pertanian yang ada, boleh jadi tugas² yang ada kepada Pegawai² Pertanian pada hari ini tidak dapat di-jalankan dengan sempurna dan akan melemahkan tanggong-jawab mereka. Maka di-sini saya suka-lah menegaskan dengan ada-nya Persatuan Peladang ini ada-lah menjadi lebeh mudah kepada Pegawai² Pertanian menjalankan urusan² mereka dan menunaikan tanggong-jawab mereka. Kalau sa-kira-nya tidak ada Persatuan Peladang ini Pegawai² Pertanian tidak dapat menjalankan urusan mereka bagi memberi pengetahuan pelajaran dan menjalankan extension work mereka dengan senang dengan sebab mereka terpaksa berhubung dengan tiap² peladang yang ada di-kawasan itu. Tetapi dengan ada-nya Persatuan Peladang ini, ahli² Persatuan Peladang dapat di-kumpulkan di-satu tempat dan mereka dapat menguruskan dengan lebeh senang.

Jadi dengan sebab itu saya tidak nampak yang tugas pertanian akan menjadi lemah dengan sebab ada-nya Persatuan Peladang itu.

Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, yang dapat saya jelaskan. Terima kasih.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Speaker in the Chair)

Fasal 1 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 2—

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya chadangkan pindaan sa-bagaimana yang di-bentangkan di-atas meja kepada Fasal 2 (1) dan (2) ia-itu di-bawah tafsiran “Persatuan Peladang Kawasan” dan “Peladang”:

- (1) Dalam ta’arif “Persatuan Peladang Kawasan” masukkan sa-lepas sahaja perkataan “peruntukan² Act ini” perkataan “atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya.”
- (2) Dalam ta’arif “peladang” potong perkataan “kesemua-nya atau sa-bahagian besar-nya” di-mana² jua perkataan itu ada.

Amendment put, and agreed to.

Fasal 2, sa-bagaimana yang telah di-pinda, di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Rang Undang² ini.

Fasal 3—

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, di-bawah 3 (1) saya menchadangkan pindaan:

3 (1) Masukkan sa-lepas sahaja perkataan “peruntukan² Act ini” perkataan “atau mana² peratoran yang di-buat di-bawah-nya”.

Amendment put, and agreed to.

Fasal 3, sa-bagaimana yang telah di-pinda, di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Rang Undang² ini.

Fasal 4 hingga 9 di-perentahkan jadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Fasal 10—

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya men-
chadangkan pindaan seperti berikut:

Dalam perenggan (a) dan (c) masok-
kan sa-lepas sahaja perkataan “Per-
satuan² Peladang Kawasan” perkataan
“dan Persatuan² Peladang Negeri”.

Amendment put, and agreed to.

*Fasal 10, sa-bagaimana yang di-
pinda, di-perentahkan jadi sa-bahagian
daripada Rang Undang² ini.*

Rang Undang² di-laporkan kepada
Dewan dengan pindaan; di-bachakan
kali ketiga dan di-luluskan.

RANG UNDANG² ORANG ASLI (PINDAAN)

Bachaan Kali Yang Kedua

**Menteri Tanah dan Galian (Tuan
Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub):** Tuan
Yang di-Pertua, saya mohon
izin menchadangkan Rang Undang²—
The Aboriginal Peoples (Amendment)
Act, 1967, di-bacha buat kali kedua.

Bagaimana di-huraikan dalam pen-
jelasan yang terkandung dalam Rang
Undang² itu di-hujong-nya, tujuan
utama Rang Undang² ini ia-lah untuk
mengemukakan beberapa pindaan²
yang perlu supaya menyesuaikan
dengan kehendak Perlembagaan Per-
sekutuan ia-itu bahawa perkara hal
ehwal orang asli kita supaya di-masok-
kan dalam senarai tanggung-jawab
Kerajaan Persekutuan.

Pindaan² yang di-kemukakan itu
tidak ada menimbulkan dasar² baru
bahkan hanya menukar aleh kuasa dan
tugas² yang di-pegang oleh Kerajaan
Negeri pada Menteri dan Pegawai²
Persekutuan yang berkenaan. Tuan
Yang di-Pertua, saya mohon men-
chadangkan.

Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-
Pertua, saya menyokong.

**Wan Abdul Kadir bin Ismail
(Kuala Trengganu Utara):** Tuan Yang
di-Pertua, saya bangun menyokong
Rang Undang² Orang² Asli (Pindaan)
ini kerana dalam Rang Undang² ini

telah di-bawa perubahan² yang baik
bagi pentadbiran orang² asli.

Tuan Yang di-Pertua, orang² asli
ada-lah suatu bahagian daripada pen-
duduk asal negeri ini yang oleh kerana
kebetulan suasana² yang mengelilingi-
nya menjadikan mereka dudok dalam
keadaan mundor dan dalam keadaan
yang jauh terkebelakang daripada
gulungan² lain dalam masharakat ini.
Dalam Rang Undang² yang ada seka-
rang, maka sa-orang pegawai yang di-
beri nama sekarang Pesurohjaya
Orang² Asli, ada-lah bertanggung-
jawab penoh tentang pentadbiran
kebajikan dan usaha² kemajuan orang²
asli ini.

Menjadi suatu chita² bersama bagi
kita sakalian, Tuan Yang di-Pertua,
untuk membawa masharakat orang²
asli yang berjumlah 50 ribu orang lebeh
ini lebeh chepat memasok dan inter-
grate dalam masharakat kita dengan
sa-berapa kadar usaha yang dapat kita
lakukan. Rang Undang² ini pada satu
bahagian-nya ada-lah memenohi chita²
ini. Chuma, Tuan Yang di-Pertua, bagi
menjalankan usaha² mentadbirkan hal
ehwal orang² asli membawakan ke-
bajikan yang banyak kepada mereka
dan memajukan mereka dengan chepat.

Pada hemat saya ada beberapa segi
lagi yang harus di-timbangkan bersama.
Sa-lama ini tanggungan hal ini yang
di-pegang oleh pegawai bernama
Perlindung Orang² Asli sekarang ini
bernama Pesurohjaya Orang Asli. Ada-
lah boleh di-katakan sunggoh pun maju
tetapi agak perlahan sedikit. Saya telah
berchakap sedikit dalam peruntukan
Kementerian Tanah dan Galian ten-
tang orang² asli dan saya suka meng-
ulangi di-sini bahawa ada lebeh baik
bagi muslihat intergrasi orang² asli ini
supaya di-jalankan atau di-tubuhkan
sa-buah jawatan-kuasa yang terdiri di-
dalam-nya orang² asli sendiri yang
telah ada pengalaman yang banyak
yang boleh di-beri sumbangan kepada
kebajikan orang asli dan orang² bumi-
putera yang lain dan juga pegawai²
yang berkenaan dengan usaha kebaji-
kan dan kemajuan orang asli, Pega-
wai² Kesihatan, Kebajikan Masharakat

dan lain² supaya dapat di-koodinasi-kan, di-selaraskan dan di-fikirkan chara² yang lebeh kemas bagi menjalankan usaha² memajukan orang asli dan membawa kebajikan kepada mereka.

Saya rasa Jawatan-kuasa Penasihat ini jikalau di-tubuhkan akan banyak menolong kejayaan orang² asli ini dan Pejabat yang mentadbirkan orang² asli. Biar-lah kita jalankan, lancharkan usaha untuk lebeh lekas memajukan orang² asli ini saperti chara kita melancharkan usaha Pembangunan Luar Bandar. Usaha yang di-lancharkan dengan kemas dan dengan chepat kerana nasib orang² asli tidak boleh menunggu lebeh lama lagi dengan keadaan yang demikian mundor-nya. Kalau lama usaha melancharkan Pembangunan Luar Bandar kita ada jawatan-kuasa perengkat Negeri jawatan-kuasa perengkat Daerah untuk memajukan dan menselaraskan segala ranchangan² yang hendak di-jalankan maka sangat baik-lah bagi kebajikan orang asli ini di-tubuhkan sa-buah jawatan-kuasa yang kalau pun tidak mempunyai kuasa perlaksanaan tetapi mempunyai kuasa menasihatkan Pesuruhjaya orang² asli ini. Jadi dengan demikian maka banyak barangkali usaha² yang tidak ternampak atau kurang ternampak oleh pegawai² yang berkenaan dengan orang² asli ini di-bawa kepada perhatian pegawai² itu dan di-jalankan dengan segera dan dengan chepat. Saya merayu-lah pada Yang Berhormat Menteri supaya menimbangkan perkara ini dengan penoh kesungguhan supaya dapat-lah di-chapai tujuan yang baik ini.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya rasa patut di-jalankan ia-lah dalam sa-barang usaha yang kita jalankan sekarang patut kita tahu bahawa ada satu jenis kebudayaan lagi di-negeri kita ini ia-itu kebudayaan orang asli. Dalam usaha kita memupok kebudayaan di-negara kita ini saya harap perhatian juga di-tumpukan kepada segi² kebudayaan orang² asli ini. Dan dalam sa-barang pertunjukan kebudayaan kita, kita chuma memperkenalkan sedikit kebudayaan daripada kebudayaan orang asli ini kepada orang ramai, kepada ra'ayat.

Jikalau orang² negeri lain atau di-Australia atau di-New Zealand bermegah² dengan kebudayaan orang² asli mereka, orang² Maori, yang di-bawa-nya pertunjukan ka-merata² tempat, kita juga boleh menunjukkan segi² kebudayaan orang² asli ini dan menjadikan suatu achara dalam sa-barang pertunjukan kebudayaan negeri yang di-jalankan sekarang. Kita kata negara kita negara yang mempunyai berbagai bangsa dan pelbagai kebudayaan, maka jangan-lah kita tinggalkan kebudayaan orang² asli ini. Kita pupok dan kita chari usaha memajukan-nya dan mengembangkan-nya hendak mengintegrasikan dan juga ka-dalam segi² yang lain² sa-hingga ternampak-lah yang kita ini penduduk negeri ini tidak lupa kepada bumiputera kita yang asli di-negeri ini dan kebudayaan² mereka dengan tarian² mereka.

Sa-panjang ini terlalu sedikit kebudayaan orang² asli ini di-bawa kepada muka umum. Saya ingat barangkali sa-kali di-adakan pertunjukan pertukangan atau pun membuat patong orang asli pertunjukan sa-kali di-Balai Seni Lukis Negara, itu sa-kali. Perkara yang sa-bagai itu dan jenis tarian² mereka itu patut-lah di-beri galakan, patut di-jadikan sa-bahagian daripada kebudayaan yang ada di-Malaysia ini. Pada masa ini kita menunjukkan berbagai² kebudayaan: kebudayaan India ada di-tunjokkan, kebudayaan China pun ada di-tunjokkan, kebudayaan saudara² kita di-Malaysia Timor pun ada; kebudayaan kita di-tanah besar Malaysia ini, Tanah Melayu ini sendiri daripada orang asli ini, kita tinggalkan. Saya rasa ini patut-lah di-beri perhatian supaya tidak-lah tertinggal begitu sahaja, kerana ada perkara² yang boleh memberi sumbangan yang baik kepada perkembangan kebudayaan di-negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, suatu segi untuk memajukan orang asli ini dan mempercepatkan kemajuan ia-lah saya rasa dan saya suka menhadangkan dengan di-adakan sama ada daripada Kerajaan Pusat atau Kerajaan² Negeri di-mana ada orang asli itu berada, biasiswa yang di-adakan pada

tiap² tahun itu di-khaskan kepada orang² asli ini. Di-Pahang, di-Johor umpama-nya, atau di-Selangor di-mana ada banyak orang asli yang telah ber-sekolah—sekolah rendah, sekolah menengah—yang telah lulus sekolah menengah, yang telah lulus H.S.C. pun ada dan pada masa yang akhir² ini telah kita dapat membaca berita² bagaimana gadis² dan anak² muda orang asli ini telah mendapat juga tempat² yang baik hatta di-dalam pentadbiran Jabatan Orang Asli sendiri dengan ke-bolehan dan ketabahan mereka itu sendiri. Maka barangkali ada baik-nya jika di-chari usaha supaya menunjok-kan yang kita suka menggalakkan kemajuan yang lebeh chepat kepada orang asli ini di-peruntokan daripada Biasiswa Negeri atau Biasiswa Per-sekutuan, dua tiga biasiswa untuk anak² orang asli. Maka kita galakkan mereka itu, kita berikan galakan, suroh mereka belajar bersungguh² dengan kita meng-adakan bahawa ada bedza khusus untuk kamu anak² orang asli dan ber-lumba²-lah kamu mencapai akan peluang², kesempatan², yang di-sedia-kan untuk anak² orang asli itu. Ini berapa segi yang saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, perkara yang patut kita tim-bangkan sekarang ini dalam kita menimbangkan soal² orang asli dan kemajuan orang asli.

Sa-lain daripada itu barangkali per-kara yang sangat di-deritai oleh orang asli ini ia-lah barangkali dari segi ke-sihatan. Saya tidak tahu sa-takat mana sekarang ini penyiasatan telah di-laku-kan tentang kesihatan orang² asli ini dan apa-kah dia penyakit² berat yang di-alami oleh orang² asli ini dan apa usaha² yang sa-benar-nya yang telah di-jalankan bagi mengatasi penyakit² berat yang ada di-kalangan orang² asli ini.

Suatu chara yang saya rasa patut di-jalankan sekarang ini ia-lah untuk men-jinakkan orang² asli dengan masharakat umum, masharakat kita, masharakat biasa kita sekarang, usaha yang di-jalankan ia-lah untuk menghilangkan dengan chara bagaimana dapat kita buat rasa liar, ada-kah ini dapat di-jalankan dengan chara menggunakan psychological warfare atau perang

psychology menjalankan chara² kursus psychology atau chara bagaimana yang baik menjinakkan mereka itu dengan masharakat umum, dan ini dengan demikian membuka jalan bagi mereka itu chepat mencapai integrasi dengan masharakat umum. Usaha² ini harus di-tinjaukan dari sa-masa ka-samasa dan penyelidekan² harus di-jalankan dari segi ini—segi bagaimana hendak menjinakkan jiwa mereka itu dan perasaan mereka itu dengan masharakat umum.

Jadi dengan ada-nya Rang Undang² ini, dengan ada-nya usaha² yang di-chadangkan tadi dan usaha² lain lagi yang dapat di-fikirkan oleh Kementerian ini dan oleh Jabatan Orang Asli maka saya perchaya-lah kita dapat mencapai pada satu perangkat di-mana kita boleh mendapat menghantar sa-orang Duta kita di-masa hadapan terdiri daripada orang asli sa-bagai mana New Zealand pernah menghantar sa-orang Duta beberapa tahun yang lepas ka-mari menjadi Duta New Zealand terdiri dari-pada orang asli New Zealand. Jadi kita hendak perangkat ini kita chapai dengan usaha² di-jalankan di-bawah Ke-menterian ini dan di-bawah Jabatan Orang Asli dan ini ada-lah chita² kita bersama kerana kita tidak mahu lagi melihat satu bahagian yang demikian berharga dalam sejarah kita hidup dalam keadaan yang mundor. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Haji Mohamed Yusof bin Mahmud (Temerloh): Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sunggoh besar hati kerana Rang Undang² yang ada di-hadapan kita ini, pada fikiran saya, satu Rang Undang² yang sangat menasabah dan sesuai pada masa ini.

Berkenaan dengan orang asli ini, saya perchaya Kerajaan kita telah chukup masak mengetahui segala²-nya ber-sangkut-paut dengan hal² orang asli ini, kerana Bahagian Orang Asli ini bukan sahaja masa telah kita merdeka bahkan sa-belum kita merdeka pun Bahagian Orang Asli ini memang khas di-tadbir-kan oleh Kerajaan. Jadi dengan peng-alaman itu saya perchaya-lah timbul-nya fikiran Kerajaan mengadakan Rang Undang² yang saperti di-adakan di-hadapan kita ini.

Pada pendapat saya, sunggoh pun Rang Undang² ini boleh di-perbaiki lagi keadaan² yang di-hadapi oleh kita terhadap orang asli ini, tetapi saya berharap dan saya perchaya tujuan yang besar-nya chara² hendak membaiki keadaan orang asli ini ia-lah hasrat kita sendiri, hasrat Kerajaan kita sendiri, betul² berkehendakkan mereka² ini sejajar dengan bangsa² kita yang telah bijak, pandai dan maju. Maka dengan usaha ini-lah yang saya menitek beratkan, yang pertama ia-lah pelajaran, Tuan Yang di-Pertua. Sunggoh pun pada masa ini kita tengok, saya bandingkan, di-kawasan saya banyaklah sekolah² rendah yang telah diadakan tetapi maseh lagi kita kebelakangan kerana di-dalam sekolah² ini chuma bangunan² sahaja yang ada tetapi buku² dan guru² sangat kurang. Jadi saya rasa ini-lah kita menitek beratkan dalam pelajaran.

Keadaan otak kanak² orang asli ini—saya telah melawat tiga empat sekolah yang ada di-dalam kawasan saya dan saya dapati mereka ini sejajar dengan orang kita yang telah maju. Saya perhatikan daripada tulisan-nya, daripada chara berfikir-nya, bila saya menyual murid² itu maka mereka itu boleh dapat maju. Jadi sa-lama ini, saya tidak tahu-lah, ada-kah sebab salah pimpinan ia-itu saya berpendapat tentu-lah pimpinan itu mahukan kapada pimpinan yang baik daripada orang yang mengerti dan mahu memajukan dan saya perchaya tidak lain tidak bukan hendak-lah pimpinan itu betul² dari orang asli sendiri yang ada pelajaran, kerana tentu-lah orang ini sendiri yang dapat memajukan mereka itu.

Pada masa yang lampau, saya perhatikan puchok pemimpin dalam Jabatan ini terdiri daripada orang² yang bukan anak negeri ini. Jadi rasa saya itu-lah dengan ada-nya Undang² ini saya berharap pemimpin ini dapat kita adakan pemimpin yang jujur, kalau boleh, daripada orang asli juga sebab saya perchaya ada juga orang asli daripada Perak yang lulus pelajaran tinggi dan ada sa-orang di-tempat saya yang lulus School Certificate yang ada di-kawasan saya itu. Kalau mereka² ini dapat di-pimpin menjadi pemimpin

mereka itu ada-lah sangat baik. Ada sa-orang di-tempat saya pada masa ini yang di-beri jawatan sa-bagai pelayan dalam perubatan sahaja. Saya fikir tidak sesuai yang orang itu ada pelajaran Inggeris dan berchakap sangat faseh dalam bahasa Inggeris tetapi saya tengok jawatan yang di-berikan itu tidak-lah menasabah.

Jadi saya harap dapat di-selideki mengapa menjadi begitu, ada-kah puchok pemimpin yang di-atas itu memikirkan jika orang ini sudah naik ka-atas barangkali mereka tidak lagi ada peluang hendak menjadi ketua di-tempat itu atau memerintah mereka² ini. Jadi sa-orang yang saya terjumpa di-tempat saya, rasa saya, ini-lah patut dapat pimpinan yang baik lagi.

Yang kedua, berkenaan dengan hal taraf hidup, ini pun satu juga yang sangat besar. Orang asli ini memang rajin bekerja, rajin menchari penghidupan tetapi malang-nya puchok pemimpin-nya tidak mengarahkan, tidak menolong mereka² ini supaya bahan² yang mereka dapat di-jualkan mendapat pasaran yang baik. Saya tahu di-kawasan saya pada musim durian umpama-nya, mereka menjualkan buah durian mereka itu dengan harga 20 sen tetapi harga durian² di-pasar sampai satu ringgit. Patut-lah pegawai² yang ada di-dalam ini memandang berat dalam perkara ini supaya mereka itu dapat di-pimpin mendapat pendapatan yang baik. Kalau mereka sudah ada ekonomi yang tinggi maka kesihatan-nya akan di-perbaiki, pakaian akan dapat baik, keadaan rumah-nya pun akan dapat baik, mereka itu ada berhasrat, mahu, tetapi kurang pimpinan. Saya tahu sebab saya rapat dengan mereka, selalu mereka itu meminta pada saya ranchangan luar bandar, meminta balai raya, meminta kerbau, meminta taliayer—ini-lah perkara yang saya perchaya mereka ini boleh kita pimpin.

Lagi satu, Tuan Yang di-Pertua. pembangunan bagi mereka² (Pembangunan Luar Bandar) ia-lah tidak—yang telah sudah saya perhatikan—ada-lah tidak bersama² dengan ranchangan² luar bandar yang kita jalankan—mereka itu di-asingkan betul². Bila

perkara ini di-timbulkan di-dalam meshuarat luar bandar, kata mereka, "Mereka ada Bahagian Orang Asli, ini ada khas untuk pembangunan luar bandar dia". Jadi ini rasa saya tidak akan pesat perjalanan, terutama sa-kali chara² pemimpin yang telah di-jalankan.

Jadi satu lagi ada juga tempat² orang asli kita ini telah di-tolak ka-tepi oleh sebab keadaan tempat itu, keadaan bagaimana saya katakan, macham negeri Pahang banyak hutan²-nya yang telah di-beri kepada pemborong² yang mengeluarkan kayu². Maka di-situ pendapatan kehidupan mereka itu pun hapus dan ini juga tidak di-ambil berat oleh pejabat ini bagaimana hendak mengatasi hasil pendapatan yang telah musnah oleh sebab perusahaan² kayu yang timbul ia-itu saperti menchari damar, menchari rotan, menchari minyak yang ada di dalam hutan hasil yang baik, mereka terlantar tidak ada pendapatan. Jadi ini rasa saya jika kita berusaha, pejabat ini betul² mendapat satu ketua yang baik dan jika sa-bagaimana chadangan Ahli Yang Berhormat daripada Trengganu Utara tadi supaya Jabatan ini di-uruskan oleh satu Jawatan-kuasa yang terdiri daripada orang yang betul mahu memajukan mereka ini, saya rasa tidak timbul perkara² yang saya telah timbulkan tadi. Ini dua, tiga, empat, perkara yang saya dapat bentangkan kepada Dewan hari ini dan bersama² dengan Undang² ini saya harap dapat perhatian yang sawajar-nya daripada Kementerian kita.

Sa-lain daripada itu, saya perhatikan orang² asli di-tempat kita ini dalam hal masharakat kita, ada perasaan daripada pegawai² yang memandang mereka ini satu bahagian yang rendah, satu bahagian yang perasaan mereka itu rendah. Jadi dengan perasaan yang mereka itu berasa yang mereka itu rendah dan oleh dari pentadbiran keadaan sa-macham itu boleh menyebabkan mereka lagi jauh daripada kita, orang Melayu atau orang China atau orang lain yang maju dan perasaan inferiority complex, perasaan ini-lah kita hapuskan—mesti kita hapuskan pada mereka² ini, dengan chara pemimpin kita. Pemimpin² yang bertanggung-jawab dalam jabatan², sebab

selalu bila ada perjumpaan, kita tengok-lah memang di-asingkan, ini orang asli, ini orang lain, ini kita tidak mahu pada masa ini. Kita mahu dia masok bergaul dengan kita, masok champor dengan kita.

Jadi ini berkehendakkan puchok pemimpin yang baik, puchok pemimpin yang juror, Tuan Yang di-Pertua. Jadi sunggoh pun begitu bukan-lah di-katakan sa-lama ini kita tidak ada memberi kemajuan—tidak; tetapi kemajuan itu tidak pesat tidak berkejar, tidak sa-laras yang patut mengikut keadaan kita sa-telah kita merdeka ini.

Sa-bagaimana ucapan saya juga dalam ucapan dasar, saya mengatakan kita sudah 10 tahun merdeka, kalau kira-nya budak² daripada darjah satu sampai 10 tahun sekarang sudah ada orang² asli kita yang ada dalam University, sebab saya kata tadi budak² ini bukan-nya kurang otak-nya, saya tengok sendiri, maka saya salahkan kepada puchok pemimpin kita. Kita bagi wang, kita adakan sekolah, kita adakan hostel dan sa-bagai-nya. Di-tempat saya banyak hostel² yang di-adakan, tetapi itu-lah perkara yang tiga empat saperti saya cheritakan tadi, kalau kita tidak beri semangat, suborkan mereka supaya mereka berasa mereka itu sa-orang masharakat ra'ayat Malaysia ini juga. Maka sa-lagi itu-lah keadaan kita, tidak dapat kita hendak baik.

Jadi saya harap-lah tegoran² yang telah kita dengar dapat di-pertimbangkan oleh Kerajaan dan saya perchaya kita akan dapat membaiki keadaan mereka² ini dan mereka ini akan menjadi satu masharakat ingin sa-taraf dengan kita ra'ayat negeri ini. Terima kaseh.

Mr Deputy Speaker: Meshuarat ini di-tanggohkan sa-lama 15 minit.

Sitting suspended at 5.30 p.m.

Sitting resumed at 5.45 p.m.

(Mr Deputy Speaker in the Chair)

Debate resumed.

Tuan Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Yang di-Pertua, saya

sangat bersukachita mendapat pandangan dan nasehat² daripada Ahli² Yang Berhormat mengenai Rang Undang² ini.

Berhubung dengan chadangan supaya satu jawatan-kuasa penasihat terdiri daripada orang² asli dan yang lain² supaya di-tubuhkan untuk membantu Pesurohjaya dalam usaha-nya mentadbirkan jabatan yang berkenaan ini, saya rasa sistem yang sekarang ini sangat² memberi puas hati saya dan pegawai² yang lain yang bertugas. Kebanyakan-nya saya rasa, memberi segala²-nya yang mereka boleh beri kepada orang asli di-dalam negeri kita di-sini. Tiap² bulan saya mendapat laporan daripada pegawai² ini sa-lain daripada meshuarat yang di-adakan daripada satu masa ka-satu masa dan daripada laporan ini saya dapat ketahu², bahawa semua-nya pegawai² dalam jabatan ini menjalankan tugas-nya tidak pandang kepada masa dan lain²-nya.

Satu daripada tauladan yang baik yang di-buat oleh mereka ini ia-lah statistics yang saya terima dalam minggu yang lalu tadi, mithal-nya dalam target 1961 kepada 1965, mereka berchadang hendak membuat tujuh administratives posts—itu di-selesaikan mereka dalam tempoh yang tersebut. Rumah untuk guru², ada satu chadangan untuk membuat 23 buah dalam tahun 1961 hingga tahun 1965, mereka dapat menyiapkan 17 buah oleh kerana tugas yang lain lagi ada; kemudian, rumah² untuk pegawai², target-nya ada 36 buah tetapi telah di-siapkan 23 buah. Tetapi sekolah, mithal-nya, dalam tahun 1961 hingga 1964, 37 telah di-siapkan, dan hingga kepada hujung tahun 1966 ini semua sekolah² yang telah di-siapkan ia-lah 73 buah, dan 30 buah daripada ini ada-lah sekarang di-tadbirkan dan di-serahkan balek kepada Kementerian Pelajaran.

Satu lagi, scheme menanam getah di-kalangan orang asli, mithal-nya, ranchangan untuk tahun 1961 hingga 1965—164 dan yang telah di-siapkan dalam tahun 1961 sampai 1964, ia-lah 164 juga. Jadi daripada laporan² yang telah saya terima daripada lawatan² saya kepada beberapa negeri. ka-

kampong orang² asli, saya sangat²-lah puas hati dengan tugas² yang telah dijalankan oleh mereka ini. Dan dengan hal yang demikian saya rasa tidak-lah penting di-tingkat ini untuk menubuhkan satu jawatan-kuasa saperti yang telah di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat daripada Kuala Trengganu Utara tadi.

Ranchangan² atau policy², yang di-buat oleh Kerajaan mengenai pertadbiran orang² asli ada-lah terlebih awal di-binchangkan dengan pehak D.C.T.C. dan di-persetujui oleh Cabinet. Apa Cabinet telah menyetujui-nya, maka terpulang-lah kepada pegawai itu untuk melaksanakan segala ranchangan² pembangunan untuk orang asli ini.

Memang benar di-beberapa tempat ada ranchangan orang² asli ini sangat² berasing daripada kampong² yang lain. Satu daripada sebab-nya yang besar, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah kita sangat² susah hendak mendapat tanah dekat² kampong, mithal-nya, kampong orang² Melayu atau pun dekat bandar. Di-samping itu juga akan mendapat satu kawasan lagi yang berdekatan dengan rumah supaya mereka ini dapat berchuchok tanam. Dan juga mereka ini rasa satu kesulitan yang telah dihadapi oleh Jabatan ini ia-lah jikalau pindahan itu jauh daripada tempat yang biasa, maka kadang² di-dapati orang asli sendiri tidak begitu senang hati hendak pergi ka-tempat yang baharu itu. Mithal-nya, di-satu tempat di-Negeri Sembilan di-Ayer Bening itu dekat dengan kebun getah yang lain, dekat dengan kampong; jadi perhubungan di-antara mereka ini dengan penduduk kampong itu sangat² rapat dan mereka hidup sa-bagai kampong sendiri juga di-tempat itu. Jadi policy kita dengan sa-bberapa boleh saya ber-setuju dengan chadangan Ahli Yang Berhormat daripada Temerloh dengan sa-bberapa boleh biar-lah mereka ini hidup bersama² dengan ra'ayat lain di-dalam negeri ini. Bila kita mengadakan satu kampong yang baharu, ranchangan yang baharu, untuk ada-nya orang asli ini ada rumah-nya dan tanah untuk berchuchok tanam yang jauh daripada kampong² lain bukan-lah tujuan kita kerana untuk mengasingkan mereka

sa-mata², tetapi oleh kerana itu-lah sahaja tempat yang dapat di-beri kapada mereka oleh Kerajaan Negeri untuk di-jalankan ranchangan ini.

Mengenai masalaah kebudayaan orang² asli sa-benar-nya beberapa² bulan yang lalu, satu meshuarat telah saya adakan di-antara saya dengan Pesurohjaya dan pegawai² sakalian, kita memang-lah menggalak kemajuan atau pun perkembangan kebudayaan orang² asli ini, mithal-nya, biar-lah mereka itu membanyakkan pengeluaran ukiran², patong² kayu dan lain², dan saya telah berchakap dengan Duta daripada Fillipina dalam masalaah ini untuk menchari satu jalan bagaimana orang² asli dapat kita hantar ka-Fillipina untuk mempelajari di-sana bagaimana orang² di-sana menjalankan perusahaan sapti ini. Jadi saya telah minta Pesurohjaya—mengarah Pesurohjaya itu—supaya berhubung lagi dengan pegawai² di-dalam Kedutaan Fillipina, saya telah mendapat jaminan daripada pihak yang berkenaan ia-itu dengan sa-berapa boleh-nya mereka akan membantu—jadi bererti kita memang-lah meng-ambil berat, mengambil perhatian dalam perkara ini.

Berkenaan dengan kesihatan orang asli, satu daripada kesusahan, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah doktor² susah sangat hendak di-chari dalam negeri ini yang sanggup hendak bekerja di-kalangan orang² asli.

Pelajaran orang asli memang-lah menjadi policy Kerajaan supaya semua mereka ini di-bantu akan mendapat pelajaran yang tinggi. Pada masa sekarang pelajaran untuk orang² asli ada-lah di-beri dengan chara perchuma terus-menerus, mereka mendapat biasiswa untuk menuntut sa-hingga kapada habisan pelajaran tingkatan menengah. Sekarang di-dalam Form IV ada-lah lebih kurang 50 orang mereka merata² negeri. Dalam Form V dalam tahun ini, tidak ada; ada sa-orang yang telah lulus, sa-orang anak perempuan, sekarang bertugas di-Jabatan Orang Asli di-Kuala Lumpur. Dalam tahun 1965, ada sa-orang anak orang asli yang telah kita harap patut lulus

dalam Form V, kemudian akan di-beri biasiswa lagi supaya melanjutkan pelajaran-nya lebih jauh, tetapi duka-chita-nya dia telah gagal dan sekarang bekerja sa-bagai sa-orang pegawai dalam Jabatan ini. Di-masa yang akan datang, kita harap budak ini akan dapat memegang jawatan yang tinggi di-dalam Jabatan ini supaya dapat memberi satu puchok pimpinan yang sangat² di-kehendaki oleh orang² asli.

Saya bersetuju dengan pandangan daripada Ahli Yang Berhormat daripada Temerloh, pimpinan yang sehat, pimpinan yang jujur, sangat²lah di-kehendaki oleh orang asli untuk kemajuan mereka ini. Tetapi apa yang saya tidak bersetuju ia-lah bahawa pegawai² dalam Jabatan ini, jikalau saya tidak salah mengerti, di-faham oleh Ahli Yang Berhormat itu telah tidak memberi pimpinan yang patut di-beri kapada mereka ini. Pesurohjaya yang ada sekarang dengan pegawai² di-bawah kakitangan-nya, apabila mereka pergi ka-kampong² orang asli, mereka itu, saya sunggoh puji, mereka menjalankan tugas²-nya sa-olah² mereka itu tidak sedar bahawa mereka itu orang yang telah maju, lebih maju daripada orang² asli. Mereka makan bersama² dengan orang asli, tidor sama dengan orang² asli, dudok, berborak, bercherita, sama dengan orang² asli. Jadi ini satu perkara yang sangat² saya puji di-kalangan mereka ini.

Memang saya sedar ada harus-nya sa-orang dua pegawai² yang saya sendiri telah jumpa juga apabila berchakap memberi perasaan kapada saya bahawa mereka ini memandang rendah kapada orang asli. Ini perkara yang kecil sahaja dan tidak melibat pegawai² yang lain di-dalam Jabatan² ini. Yang aneh-nya sa-kali ia-lah pegawai yang saya jumpa ini datang dari negeri Pahang, sunggoh pun pegawai itu bukan orang Pahang. Jadi saya selalu mendengar perkataan yang di-gunakan sa-olah² merendahkan orang² asli ini—perkataan “Abos”—saya telah beri arah kapada Pesurohjaya Orang² Asli dan pegawai² sakalian perkataan ini jangan di-guna sama sa-kali, kerana ada orang² yang menggunakan perkataan “Abos” ini

sa-olah² orang ini rendah² sangat. Jadi saya telah mengarahkan perkataan ini tidak boleh di-gunakan sama sa-kali di-kalangan² pegawai² sakalian.

Jadi itu sahaja penerangan yang dapat saya beri kepada Dewan ini bagi harapan kita di-masa yang akan datang supaya orang asli dapat dihantar menjadi duta itu sangat² baik, tetapi di-tingkat ini tidak-lah dapat kita memberi jaminan sama ada 3 tahun, 4 tahun, 5 tahun lagi mereka itu akan dapat memegang jawatan tersebut. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

Clauses 1 to 10 inclusive ordered to stand part of the Bill.

First Schedule ordered to stand part of the Bill.

Second Schedule ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read the third time and passed.

THE HIRE-PURCHASE BILL

Second Reading

The Minister of Commerce and Industry (Dr Lim Swee Aun): I beg to move that the Hire-Purchase Bill be now read the second time.

Mr Speaker, Sir, hire-purchase has developed in this country from a convenient form of instalment credit for durable goods into a multi-million dollar business. Hire-purchase may be broadly defined as a service which allows one party to obtain possession of an article belonging to another party in exchange for a deposit. Provided that the hirer maintains a series of payments known as instalments, the owner cannot regain the article. At the end of the

pre-determined period, the hirer may claim possession of the article, if the agreed sum has been met.

Hire-purchase has contributed in no small measure to the growth of retail trade and to the standard of living of the population by making available such goods as motor vehicles, radios, refrigerators, sewing machines and other domestic appliances to families. At present, there are no adequate provisions in the law in Malaysia to regulate hire-purchase agreements. For example, no provision is made to safeguard the interests of the hirers against owners, who take away articles on which many instalments have been paid by the hirers, just because the hirers were unable to meet instalments at the proper time due to one reason or other. This Bill however sets out the rights of hirers, which are called "statutory rights" of hirers. For example, it is a statutory right of the hirer within fourteen days after request is made to that effect to be furnished by the owner with a copy of the memorandum or note of the agreement and a statement signed by the owner or his agent, showing such particulars as the amount paid, the amount due or payable under the agreement. Failure without reasonable cause to comply with this provision renders the agreement unenforceable by the owner as against the hirer, the right to recover the goods from the hirer or any contract of guarantee relating to the agreement. Furthermore, if such a default on the part of the owner were to continue for a period of one month, the Bill provides that the owner shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding \$200.

In the case of repossession, the Bill provides that the owner shall not repossess the goods until the expiration of twenty-one days after the serving of a written notice on the hirer by the owner. Within fourteen days of repossession, the owner is required to serve on the hirer and his guarantors a notice detailing the amount which the hirer has to pay in order that the agreement could be reinstated or finalised. The Bill also expressly provides for the

assignment of the right, title and interest of hirers under hire purchase agreements and also the assignment by operation of law.

On the other hand, the owner is not entirely left out from the protection as provided by the provisions of the Bill. For example, unlike any other legislation, the right of the owner is protected in this Bill in the case of termination by the hirer. In such a case, the Bill provides that the owner would be entitled to recover from the hirer the amount (if any) required to be paid in those circumstances under the agreement or the amount (if any) that the owner would have been entitled to recover, if he had taken possession of the goods at the date of termination of the hiring whichever is the less.

In view of this and other shortcomings, it is felt that hire-purchase should be regulated, not so much as an instrument of economic management as in other countries, but mainly as a measure of protecting for hire-purchasers against unscrupulous owners. The Bill, therefore, seeks to enact provisions to regulate and control the forms and contents of Hire-Purchase agreements, to spell out in the law the rights and duties of parties to such agreements and to define and prescribe the liabilities of persons, including guarantors and third parties generally, who are affected by any transactions covered by the provisions of this Bill.

As a law to cover Hire-purchase agreements, this Bill has the benefit of derivations (wherever applicable) from existing provisions in the United Kingdom and Australian Hire-Purchase legislations, and it also implements most of the recommendations (wherever applicable) of the Molony Report (1962) of the United Kingdom. For example, the Bill provides a statutory right of the hirer to complete the purchase of the goods, the subject matter of the agreement, on or before the day specified for that purpose by giving a notice in writing to the owner of his intention to do so, and by paying or tendering the net balance due. This is one of the features from the Molony Report.

Mr Speaker, Sir, Honourable Members will recall that the Hire-Purchase Act, 1966, which was introduced in the Dewan Ra'ayat at its June Session last year was withdrawn at the beginning of this Session of the Dewan Ra'ayat. This is because, after the introduction of the Hire-Purchase Bill in the June Session of the Dewan Ra'ayat, I invited the public and other interested parties to forward their views, observations and recommendations with regard to the provisions as contained in the Hire-Purchase Bill, 1966.

In the light of the numerous representations made by interested parties, the drafting Committee has reviewed the provisions as contained in the said Bill, and has found it desirable that certain sections of the Bill would have to be amended, while new sections and sub-sections would have to be incorporated, in order to extend the applicability of the Bill to the whole of Malaysia as well as to extend the provisions of the Bill to cover a wider range of durable consumer goods, which are popularly bought on hire purchase by people from both the higher and the lower income groups as well as by people in the rural and the urban areas. The effectiveness of the Bill is therefore enhanced. All the amendments, which are considered necessary to the Hire-Purchase Bill, 1966, are being incorporated into this new Bill, the Hire-Purchase Bill, 1967.

Sir, I beg to move.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim-Bandar Baharu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di-sini menyokong penoh kelulusan Rang Undang² Beli-Sewa (Hire-Purchase) dan suka juga menyampaikan ucapan tahniah saya kepada Kerajaan untuk menyampaikan Rang Undang² ini dan mengemaskan beberapa perkara berthabit dengan segala urusan Beli-Sewa segala kereta Motor dan beberapa perkara yang lain² lagi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Section 33 (c) di-dapati kandungan menetapkan faedah bunga sa-banyak 8 per cent yang di-kenakan kepada Pembeli Sewa yang tiada menjelaskan bayaran ansuran bulan-nya "for any overdue

instalment". Mengikut hemat saya adalah satu bebanan yang berat akan dihadapi oleh pembeli sewa itu. Saya tegaskan ini ada-lah tiada patut dikenakan sa-bagai bagitu, kerana tiap² sa-orang yang tiada dapat menjelaskan instalment bulanan-nya itu berarti-lah ia dalam kesusahan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Second Schedule (Section 3A) mengikut kandungan yang tetap, "The term of charge are and represent a rate per centum per annum not exceeding . . . (berapa) . . . percent—"dalam ruangan yang ditinggalkan kandungan itu, saya menegaskan tiada patut ditinggalkan dengan tiada di-penuhi dengan percent setahun-nya. Sa-patut-nya pehak Kementerian menetapkan berapa percent yang mana tiada memberatkan antara satu pehak dengan satu pehak. Jika tiada di-tetapkan berarti pehak penjual sewa boleh membuat dengan menetapkan suka hati-nya.

Tuan Yang di-Pertua, juga ada perlindungan kepada penjamin² di-bawah Section 22 boleh menda'awa penyewa² mengembalikan apa² wang yang telah di-bayar oleh penjamin² kepada penjual² kereta motor dan lain² perkara, penjamin² boleh juga mendapat balek semua document² yang berharga yang ada dalam tangan penjual² yang bersangkutan dengan jamin-nya.

Bagi permulaan, nampak-nya Rang Undang² ini terhad kepada chara beli-sewa kereta motor dan lain². Satu perkara yang penting dalam Negara ini ia-lah berkenaan berapa urusan beli-sewa terhadap rumah² daripada beberapa shariat² perniagaan perumahan yang biasa-nya tiada memuaskan hati membeli sewa itu terutama sa-kali tentang ketinggian kadar bunga-nya.

Yang akhir sa-kali, saya berharap semoga pada masa hadapan Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan akan menimbangkan usul beli-sewa rumah² supaya dapat perlindungan Undang² seperti Rang Undang² ini. Saya perchaya Yang Berhormat itu berkuasa berbuat demikian menurut Section 1 dalam (3) dalam Rang Undang² ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Tuan Lee Seck Fun (Tanjong Malim):

Mr Speaker, Sir, I also take this opportunity to congratulate the Honourable Minister of Commerce and Industry for introducing the Hire-Purchase Bill to this House. As he has told us that more and more people are buying goods on hire-purchase, it is necessary for the Government to have this legislation to protect the public. However, I wish to seek clarification from the Honourable Minister concerned why this Bill is drafted in respect of hire-purchase agreements relating to the goods specified in the First Schedule only and not to make it a Bill in respect of all goods transacted under hire-purchase agreement.

Mr Speaker, Sir, if the present Bill is passed by this House the following goods will only be covered: (1) motor vehicles; (2) radio sets, television sets, gramophones sets, tape recorders and any combination thereof; (3) refrigerators and deep freeze food preservers and any combination thereof; (4) sewing machines. However, there are many other goods—for example, bicycles, typewriters, electric fans, air-conditioners, cameras and watches—which are sold on hire-purchase in the market. If this Bill is drafted in respect of hire-purchase agreements for all goods it will save the trouble of the Honourable Minister for having to add goods from time to time to the First Schedule as he thinks fit. Then, also the public will be confused as to what are the goods which come under this Bill from time to time.

Now, Mr Speaker, Sir, I refer to the Fifth Schedule of the Bill—Notice to Hires Under Section 15. I hope the Honourable Minister concerned will see that a fair amount will be estimated by the owner so as to enable the hirer to reinstate the agreement. If this is not checked, I am afraid that the hirer may not have the opportunity to reinstate the agreement and may even have to make a refund to the owner.

On the whole, Sir, from what I have heard from the speech made by the Honourable the Minister, this is a very good Bill and I strongly support the Bill before the House.

Dr Lim Swee Aun: Mr Speaker, Sir, I wish to thank the two Honourable Members for supporting this Bill.

The point raised by the Honourable Member for Kulim Bandar Bahru that the term charges have not yet been fixed, I would refer him to section 29, where the term charges will be fixed by regulations, which will be issued by me later on, after the Bill has been approved. And the other point, raised by both of them, is, why is this Hire-purchase Bill only limited to the articles mentioned in the First Schedule? Sir, the reason is that we have still not yet have sufficient experience in the running of this Bill, hence we had only included a limited number of articles and with greater experience and with the greater need for extension of this Bill, there is sufficient powers bestowed in section 1, whereby I can

add to that list without having to come to this Parliament. Thank you.

Question put, and agreed to.

Bill accordingly read a second time and committed to a Committee of the whole House.

House immediately resolved itself into a Committee on the Bill.

Bill considered in Committee.

(Mr Deputy Speaker *in the Chair*)

Clauses 1 to 46 inclusive ordered to stand part of the Bill.

First Schedule to Sixth Schedule inclusive ordered to stand part of the Bill.

Bill reported without amendment: read a third time and passed.

House adjourned at 6.35 p.m.